

Kekalkan status negeri maju

3

Ambil serius titah Sultan Selangor

4

Masjid jadi pusat penyatuan masyarakat

7

78 peratus peniaga lunas pinjaman Hijrah

8

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 21 - 27 SEPTEMBER 2023

www.selangorkini.my

## Khutbah: Elak jadi 'mufti alam maya'

Khutbah negeri ingatkan pengguna media sosial supaya tidak keluarkan 'fatwa segera' dalam urusan agama tanpa ilmu dan kelayakan kukuh untuk elak umat Islam keliru seterusnya berbalah sesama sendiri

MUKA 2

### Bantuan khas pendidikan anak negeri

Anak Selangor dipelawa mohon pembiayaan tahunan meliputi peringkat sarjana muda antara RM10,000 hingga 12,000 manakala diploma (RM8,000) dan sijil (RM4,000). Permohonan dibuka sehingga 30 September

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengetuai istiadat angkat sumpah Ahli Dewan Negeri dalam persidangan penggal pertama Dewan Negeri Selangor ke-15 pada 19 September 2023.

Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 2

### 1st ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL

21 - 26 September 2023  
LAMAN MBPJ • JALAN YONG SHOOK LIN  
PETALING JAYA

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN ANTARABANGSA

SENI & KRAFTANGAN

MAKANAN TRADISIONAL

SEMINAR KERJAYA SENI

SEMUA DIJEMPUT HADIR

KONSERT  
24 Sept. 2023 | 8.30 mlm



## 56 wakil rakyat angkat sumpah

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengetuai istiadat angkat sumpah Ahli Dewan Negeri (ADN) bagi penggal pertama Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-15 di Bangunan DNS pada 19 September.

Istiadat disempurnakan di hadapan Speaker Lau Weng San diikuti 33 wakil rakyat dari blok kerajaan dan 22 ADN pembangkang pada mesyuarat pertama persidangan.

Terdahulu, Weng San yang tidak bertanding pilihan raya negeri mengumumkan ADN Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin sebagai timbalannya selepas disokong majoriti ahli dewan.

Sebelum ini Ng Suee Lim dilantik sebagai Speaker DNS bagi penggal lepas.

Sementara itu, Weng San turut memasyhurkan wakil rakyat Hulu Kelang Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebagai ketua pembangkang.

## Seru rakyat kekal kemakmuran

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyeru seluruh rakyat untuk mengekal kemakmuran dan keamanan sedia ada sempena ulang tahun penubuhan Malaysia.

Beliau menjelaskan seruan tersebut antara impian dan doa Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang dikongsi bersama rakyat pada tanggal 16 September 1963.

"Impian serta doa beliau terus bergelora di dalam jiwa lebih 33 juta rakyat Malaysia, dari seluruh pelusok. Tidak kira di mana atau siapa, kita terus mengikat perpaduan, saling bantu membantu, bagaikan sebuah keluarga.

"Sebuah negara yang masih segar dari kemerdekaan dan memasang cita-cita untuk berada di mata dunia. Hari ini, kita mampu tersenyum dan bangga bersama. Tapi bukan untuk kita terleka, kerana esok masih ada. Perjalanan masih jauh," katanya menerusi Facebook.

IMBAS DI SINI  
akhbar digital minggu lepas



# Elak 'fatwa' dahului pihak berkuasa

**SHAH ALAM** - Khutbah Jumaat mengingatkan umat Islam supaya tidak mengeluarkan kenyataan atau 'fatwa' sendiri secara terburu-buru, dengan mendahului pihak berkuasa.

Menurut teks khutbah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), keadaan lebih parah jika pandangan itu mempunyai kepentingan peribadi atau memberi kelebihan kepada kumpulan tertentu.

Seperti di Selangor, fatwa yang dikeluarkan perlu mendapat kata sepakat ahli Jawatankuasa Fatwa dalam kalangan ulama dan pakar, bukan pandangan seorang mufti semata-mata.

Khutbah menjelaskan tindakan itu selaras Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, seksyen 48(2) dengan mufti perlu mengada-

kan mesyuarat bagi membincangkan fatwa yang dicadangkan.

"Berdasarkan enakmen ini, maka fatwa adalah keputusan kolektif pandangan para alim ulama' dan pakar bidang tertentu, supaya keputusan dikeluarkan lebih tepat seterusnya membawa kebaikan kepada umat Islam dan seluruh rakyat," menurutnya pada 15 September.

## Punca keliru, perbalahan

# 'Mufti alam maya' tiada ilmu kukuh

Oleh **NORZILAWATI SIDEK**

**SHAH ALAM** - Pengguna media sosial dinasihati supaya tidak menjadi 'mufti alam maya' dengan mengeluarkan pendapat dalam urusan agama tanpa asas ilmu kukuh bagi mengelakkan umat keliru.

Menurut teks khutbah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) pada 15 September, ramai seolah-olah berfatwa menerusi wadah berkenaan sekalipun mereka tidak memiliki ilmu dan kelayakan mencukupi.

"Lihat saja jika timbul isu bahu-ru yang dibahas di media sosial, kita dapati seribu 'mufti alam maya' muncul memberi komen tanpa asas ilmu yang kukuh, seterusnya menyebabkan keke-

liruan dan perbalahan," kata teks itu.

Khutbah berkenaan juga menjelaskan ulama atau mufti tidak memberi pandangan dalam semua isu kerana mereka cukup berhati-hati dan sentiasa memikirkan kesannya kepada umat keseluruhan.

"Hal ini (amalan berhati-hati) tidak berlaku sama sekali kepada seseorang yang tiada ilmu, akan sentiasa mengeluarkan 'fatwa segera' terhadap semua isu.

"(Mereka) mendabik dada dengan pengetahuannya yang cetek walaupun pada perkara yang tidak memberi kebaikan kepada umat Islam," jelas teks tersebut lagi.

Menurutnya, pandangan hukum salah daripada orang jahil yang berlumba-lumba membuat fatwa mem-

beri kesan kepada masyarakat lantaran mereka mendahului ilmu dan pemikiran.

Pada 12 September, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru pemimpin politik supaya tidak memeralat agama bagi meraih sokongan dengan memangsakan rakyat untuk kepentingan diri.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menegaskan perbuatan mengeluarkan fatwa secara tidak bertanggungjawab juga perlu dihentikan demi memelihara perpaduan rakyat di negara ini.

Baginda bertitah fatwa yang dikeluarkan ahli politik boleh mencetuskan perbalahan, perpecahan dan keganasan dalam masyarakat yang akhirnya meranapkan tamadun sesuatu bangsa.

# Sertai ekspo usahawan Oktober ini

**SHAH ALAM** - Usahawan dan pemilik perniagaan dipelawa menyertai Ekspo Usahawan Selangor 2023 (Selbiz 2023) pada Oktober bagi memajukan produk masing-masing, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata penyertaan sebagai vendor dalam acara tiga hari mulai 6 Oktober memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan perniagaan ke tahap lebih tinggi.

"Manfaatkan prospek ini dan sedia-

dibanjiri pengunjung di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam dari 6 hingga 8 Oktober ini. Jangan tunggu lagi, daftar menerusi pautan [www.selbiz.my](http://www.selbiz.my)

"Terokai peluang, manfaat jaringan hanya di Selbiz 2023," katanya menerusi rakaman yang dimuat naik ke Facebook Bahagian Pembangunan Usahawan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Acara tahun ini menyediakan 200 reruai kepada usahawan makanan, minuman, fesyen, aksesori, peruncitan,

perkhidmatan, kosmetik, teknologi, pakaian terpakai, dekorasi dan barangan bayi.

Menyasar kehadiran 15,000 pengunjung, ekspo tersebut menyediakan pelbagai acara menarik antaranya klinik usahawan Selangor, fiesta kopi, cabutan bertuah dan Selbiz Run 2023.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, hubungi Izzati Nadia menerusi talian 017-419 9400 atau Nur Sabrina 011-2858 3903.

# Segera mohon dana pendidikan

**SHAH ALAM** - Anak-anak Selangor dipelawa memohon bantuan khas pembiayaan pendidikan tahunan bagi sesi kedua pada tahun ini yang dibuka sehingga 30 September.

Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara itu menyediakan RM12,000 untuk pelajar sarjana muda perubatan dan pergigian,

sarjana muda pelbagai dan veterinar (RM10,000), diploma (RM8,000) dan sijil (RM4,000).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pelajar dalam semua bidang yang diiktiraf kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Selangor dan Kuala Lumpur layak memohon.

Syarat kelayakan lain antaranya pemohon, ibu atau bapa lahir di Selangor selain bermastautin lebih 10 tahun di negeri ini dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM20,000.

Pertanyaan lanjut atau urusan permohonan, orang ramai diminta melayari pautan [danapendidikan.selangor.gov.my](http://danapendidikan.selangor.gov.my)





Tengku Amir Shah (tengah) bersama jemputan majlis minum petang di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom pada 14 September. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Majlis minum petang rintis kerjasama

**SHAH ALAM** - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menghos majlis minum petang di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom pada 14 September.

Menurut Facebook Selangor Royal Office, majlis berkenaan antara usaha merintis kerjasama dengan pihak yang berminat menyalur dana untuk program kendalian Selangor Youth Community (SAY).

"Ia sebagai antara usaha merintis kerjasama baharu ke arah mewujudkan peluang-peluang yang lebih dinamik kepada belia tempatan," kata kenyataan tersebut.

SAY diwujudkan untuk membantu pembangunan belia khusus dalam bidang keusahawanan. Antara program dianjurkan termasuk Liga Usahawan Wanita dan Selangor Youth Community (SAY) ASPIRE.

SAY juga menganjurkan kegiatan untuk belia antaranya sukan, seni, kebudayaan dan menawarkan khidmat kemasyarakatan kepada pelbagai golongan yang memerlukan.

## MB nasihat semua wakil rakyat

# Kekalkan status negeri maju

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD dan ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Wakil rakyat penggal ini diminta menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin bagi membawa hala tuju lebih baik, sekali gus mengekalkan Selangor sebagai negeri maju.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan Ahli Dewan Negeri (ADN) juga perlu sentiasa berhemah, bijaksana dan berani menyahut cabaran masa hadapan.

"Maknanya bermula hari ini, secara rasmi saudara merupakan ADN Selangor yang bakal menentukan hala tuju

pentadbiran, pengurusan dan dasar negeri.

"Jadi nasihat saya kepada seluruh dewan, marilah kita bawa usul dan perbahasan yang bawa kebaikan kepada negeri dalam menempuhi cabaran besar serta dasar ditetapkan," katanya di sini hari ini.

Dalam usul penangguhan mesyuarat pertama (angkat sumpah) persidangan penggal pertama Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-15, beliau turut mengucapkan tahniah kepada speaker dan timbalan yang dilantik.

"Kita percaya DNS akan berjalan lancar. Tahniah dan syabas juga kepada semua ADN yang mengangkat sum-

pah," katanya yang turut mengetuai upacara mengangkat sumpah pada 19 September.

Terdahulu, bekas ADN Banting Lau Weng San dilantik sebagai speaker manakala wakil rakyat Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin dipilih sebagai timbalan speaker.

Weng San turut memasyhurkan ADN Hulu Kelang yang juga Pengerusi Perikatan Selangor Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebagai ketua pembangkang.

Pada pilihan raya negeri lalu, Pakatan Harapan dan Barisan Nasional Selangor membentuk kerajaan apabila menang 34 daripada keseluruhan 56 kerusi Dewan Undangan Negeri.

## Medan terbaik bahas dasar negeri

**SHAH ALAM** - Speaker baharu Dewan Negeri Selangor (DNS) Lau Weng San berazam menjadikan dewan tersebut sebagai pentas perbahasan semua dasar yang dijayakan pentadbiran negeri.

Beliau mahu semua wakil rakyat memanfaatkan fungsi dewan untuk menjawab sebarang persoalan dan isu yang dibangkitkan wakil rakyat sama ada blok kerajaan atau pembangkang.

"Kita perlu memanfaatkan platform di

dewan untuk melafazkan pendirian dan dasar negeri," katanya selepas sidang penggal pertama DNS ke-15 pada 19 September.

Bekas wakil rakyat Banting itu turut bertekad untuk menjalankan tugas dengan adil dan saksama selain mengelak keputusan berat sebelah.

"Terima kasih kepada yang memberi sokongan (pelantikan speaker). Saya akan jalankan tugas dengan adil dan saksama serta tidak berprasangka

demi rakyat.

"Wakil rakyat lain pula sama ada yang lama atau baharu diharap menggunakan pengalaman sebaik mungkin untuk melancarkan perjalanan sidang dewan," katanya.

Terdahulu, pelantikan itu diumumkan Setiausaha Dewan J Gayathri selepas dicadangkan wakil rakyat Sekinchan Ng Suez Lim sebelum mendapat sokongan majoriti ahli dewan melalui undi sulit.

## Tengku Amir hadiri makan malam SAY

**SHAH ALAM** - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke majlis makan malam eksklusif anjuran Prince's Trust International dan Selangor Youth Community (SAY) di London, United Kingdom.

Menurut kenyataan Selangor Royal Office di Facebook, keberangkatan Tengku Amir Shah pada 16 September diiringi kekanda Baginda, Tengku Zerafina dan Engku Panglima Setia Diraja Dato' Syed Haizam Jamalullail.

"Majlis makan malam dengan tema 'Empowering Malaysian Youth for a Brighter Tomorrow' ini diadakan dengan hasrat meningkatkan kesedaran terhadap program-program pembangunan SAY untuk membantu para belia Malaysia mendepani cabaran akan datang."

## Lahirkan ramai tenaga kerja mahir

**SHAH ALAM** - Penubuhan lebih banyak institusi dan pusat latihan yang menawarkan kursus berkaitan penerbangan dan aeroangkasa mampu melahirkan ramai pekerja berkemahiran dalam sektor tersebut.

EXCO pelaburan berkata pekerja mahir diperlukan dalam subsektor penerbangan termasuk rekaan, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih, pembuatan aero, persepadaan sistem dan kejuruteraan.

"Industri memerlukan ramai pekerja mahir, jadi ini antara cabaran dihadapi ketika ini. Kita perlu miliki banyak pusat latihan dan kolej yang menyediakan kursus dalam lima subsektor itu.

"Melalui langkah itu, saya percaya lebih ramai terutama anak muda bergiat dalam industri penerbangan dan aeroangkasa selepas ini," kata Ng Sze Han baru-baru ini.



## Henti main isu sensitif

**SHAH ALAM** - Pemimpin politik harus berhenti memainkan isu sensitif terutama berkaitan perkauman dan agama bagi mengelakkan perbalahan berterusan sesama rakyat.

Sebaliknya, Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar menegaskan mereka harus menumpu usaha untuk bekerja demi kebajikan dan pembangunan rakyat sekali gus memperkukuh kesepaduan.

"Sikap tidak bertanggungjawab memainkan isu sensitif ini hanya membakar api perkauman dan mewujudkan salah faham rakyat terhadap prinsip dan nilai agama.

"Hentikanlah isu ini. Ia membawa kesan buruk. Pemimpin atau golongan politik sepatutnya sentiasa memikirkan kesan sebarang kenyataan yang dibuat mereka," kata Datuk Rizam Ismail.

Wakil rakyat Pandamaran Tony Leong Tuck Chee pula berkata isu perkauman atau agama tidak wajar ditimbulkan mana-mana pihak memandangkan Selangor dihuni masyarakat berbilang kaum.

## Pembangking hati-hati berhujah

**SHAH ALAM** - Pembangking berjanji berhati-hati dalam berhujah untuk mengelak daripada menyentuh isu agama yang dibimbangi menggugat keharmonian kaum di Selangor.

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Ahli Dewan Negeri Morib Rosnizan Ahmad menegaskan mereka tidak menggunakan agama sebagai alat politik.

Beliau menjelaskan pemimpin politik di Selangor baik blok kerajaan mahupun pembangking sentiasa memelihara aspek tersebut, malah mereka menghormati semua kaum dan agama.

"Pada peringkat kami Perikatan Nasional (PN) Selangor, kami hormati semua kaum dan agama. Saya menjunjung kasih titah Sultan Selangor yang menegur (pemimpin politik). Kita akan berhati-hati sebab kita tahu Selangor tidak seperti negeri lain kerana (rakyat negeri ini) berbilang kaum.

"Cuma seperti di Kedah, Kelantan dan Terengganu yang majoriti Islam, mungkin gelombang sana datang ke Selangor hingga menyebabkan isu itu menjadi besar," katanya pada 19 September.

# Bukan alat raih sokongan ramai

**SHAH ALAM** - Agama tidak seharusnya dijadikan alat politik sebaliknya jambatan untuk memperbetul salah faham dalam kalangan masyarakat.

Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia menjelaskan agama mengajak masyarakat bersatu padu dan menghindari keburukan.

"Apabila disebut soal agama, ia sesuatu yang sensitif dan sebab itu kita kena jaga sensitiviti masyarakat lain dengan tidak memperlekeh agama atau meletakkannya pada satu tempat tidak betul.

"Sekiranya agama digunakan untuk

tujuan politik, ia perkara tidak wajar. Begitu juga jika ia digunakan bagi tujuan meraih simpati atau mendapatkan keuntungan.

"Jika boleh gunakan agama untuk penyatuan dan betulkan persepsi kerana hakikatnya masyarakat kita berbeza daripada segi keturunan serta penganut," kata Dr Ann Wan Seng kepada Selangorkini pada 18 September.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Outreach Hidayah Centre Foundation Noli Husain mengajak masyarakat ber-

ganding bahu bagi menjayakan perpaduan selain mengelak menyentuh isu agama dalam politik.

"Tidak kira memihak kepada parti politik mana sekalipun, kita yang tinggal di negara dengan kepelbagaian etnik kena jaga susun atur dan bersepadu menjayakan perpaduan.

"Pada masa sama tidak melakukan sesuatu dengan mengambil konteks politik mereka sendiri. Mereka perlu ikhlas dan telus demi mencapai perpaduan," katanya.



## Jangan pecah belah rakyat

# Ambil serius titah peliharaan Islam

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menegur pemimpin politik supaya tidak memperalat agama bagi meraih sokongan membuktikan keprihatinan Baginda terhadap perpaduan yang semakin terhakis.

Presiden dan naib canselor Universiti Selangor (Unisel) berkata titah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj agar pemimpin politik mengelak daripada memecahbelahkan rakyat wajar dihormati dan diambil serius semua pihak.

"Negara kita tidak sama dengan negara lain. Kita perlu ada sikap hormat menghormati antara kaum. Wajar dan perlu setiap kelompok menghormati pandangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

"Sudah tentu apabila Sultan Selangor beri pandangan, ada sesuatu yang menjadi keprihatinan Baginda sehingga Baginda terpaksa bertitah," kata Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman pada 15 September.

"Saya amat menjunjung tinggi titah Baginda. Memang ada kelompok yang rasa dia popular dan berkuasa, sedangkan tiada sesiapa boleh atasi

undang-undang," katanya.

Pada 12 September, Sultan Sharafuddin menyeru pemimpin politik supaya tidak memperalat agama bagi meraih sokongan dengan memangsakan rakyat untuk kepentingan diri.

Baginda menegaskan perbuatan mengeluarkan fatwa secara tidak bertanggungjawab juga perlu dihentikan demi memelihara perpaduan negara ini.

Sebaliknya, baginda bertitah pemimpin perlu menanam dan memupuk semangat perpaduan erat dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama demi kesejahteraan negara.

# Teguran elak agama dimanipulasi

**SHAH ALAM** - Semua pimpinan politik perlu mengambil serius titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai isyarat dan mesej jelas agar berhenti memanipulasi agama bagi meraih sokongan.

Ahli Majlis Perpaduan Negara berkata teguran Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj tepat pada masanya, ketika sentimen agama dan kaum diperguna pihak tidak bertanggungjawab.

"Teguran Sultan Selangor itu bertu-

juan untuk pastikan apa sahaja yang mahu disampaikan dalam konteks mencari sokongan, tidak harus mengganggu gugat perpaduan antara kaum dan malahan dalam kaum itu sendiri.

"Kalau guna secara berlebihan, ia dibimbangi akan beri kesan yang besar kepada negara. Pemain politik perlu ambil ia sebagai isyarat dan mesej jelas," kata Prof Datuk Dr Sivamurugan Pandi-

Penganalisis politik dari Universi-

ti Sains Malaysia (USM) itu menambah kebimbangan sama juga pernah disuarakan Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Saya fikir kebimbangan ini amat berasas sekali kerana ia sudah disampaikan secara berterusan oleh Insituti Diraja. Itu merupakan nasihat yang cukup besar dan harus diambil secara serius," katanya.

WAKTU SOLAT	21 - 27 SEPT 2023 5 - 11 RABIULAWAL 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Khamis	5:46	5:56	7:02	1:09	4:14	7:12	8:21	5:46	5:56	7:03	1:10	4:14	7:12	8:21	5:48	5:58	7:03	1:12	4:16	7:14	8:23	
22 Jumaat	5:46	5:56	7:01	1:09	4:14	7:11	8:20	5:46	5:56	7:02	1:10	4:14	7:12	8:21	5:48	5:58	7:03	1:11	4:17	7:14	8:22	
23 Sabtu	5:45	5:55	7:01	1:09	4:14	7:11	8:20	5:46	5:56	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20	5:48	5:58	7:03	1:11	4:17	7:13	8:22	
24 Ahad	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:19	5:46	5:56	7:02	1:09	4:15	7:11	8:20	5:47	5:57	7:02	1:11	4:17	7:13	8:22	
25 Isnin	5:45	5:55	7:00	1:08	4:15	7:10	8:19	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:11	8:19	5:47	5:57	7:02	1:10	4:17	7:12	8:21	
26 Selasa	5:45	5:55	7:00	1:08	4:15	7:09	8:18	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:19	5:47	5:57	7:02	1:10	4:17	7:12	8:21	
27 Rabu	5:44	5:54	7:00	1:07	4:15	7:09	8:18	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:18	5:47	5:57	7:02	1:10	4:18	7:11	8:20	





Ir Izham mendengar penerangan mengenai alat pindah anak benih pokok daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Manggis, Kuala Langat ketika Hari Inovasi Pertanian Selangor dan Selangor Agrogreen di Kuala Selangor pada 14 September. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Persediaan hadapi perubahan iklim

# Pantauan berkala pintu air

Oleh SOFIA NASIR

**KUALA SELANGOR** - Pemantauan keadaan pam dan pintu air di seluruh negeri sentiasa dikemas kini untuk persediaan menghadapi keadaan cuaca kini yang tidak menentu, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim menjelaskan tumpuan tidak hanya dibuat pada musim tengkujuh tetapi dijalankan di luar musim tersebut berikutan risiko banjir boleh berlaku pada bila-bila masa.

"Pam dan pintu air sentiasa kita kemas kini. Juga kerja penyelenggaraan untuk pintu air, longkang, parit, sungai dan semua kita buat (sebagai persediaan berlaku banjir).

"Ada lebih 20 pam mudah alih untuk diletak di mana-mana yang berlaku limpahan air berlebihan, ia sentiasa berdekatan pintu-pintu air," katanya seperti dilapor Bernama pada 14 September.

Selain itu, beliau berkata cadangan penanaman padi lima musim dalam dua tahun berbanding dua musim setahun ketika ini sedang diteliti pihaknya bersama agensi berkaitan.

Ir Izham menjelaskan penelitian tersebut giat dijalankan bersama Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

Sementara itu, beliau berkata kemerosotan hasil padi di seluruh dunia ketika ini termasuk Selangor akibat faktor perubahan iklim.

Ir Izham menambah keadaan berkenaan sekali gus mendorong negara pengeluar seperti Myanmar, Thailand dan India mengurangkan eksport ke negara lain termasuk Malaysia.

"Masalah hasil padi merosot ini berlaku di seluruh dunia bukan negara kita sahaja. Perubahan iklim memang benar-benar berlaku. Selangor juga alami perkara sama.

"Contohnya, tahun ini hasil padi kita hanya tiga hingga empat tan metrik sehektar, ia antara terburuk," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di sini pada 14 September.

Justeru, Ir Izham berkata Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM8.9 juta baru-baru ini bagi mengatasi masalah tersebut sekali gus memastikan pesawah dapat meningkatkan hasil padi.

## Ambil tindakan jika gugat harmoni

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan mengambil tindakan tegas terhadap pegawainya jika terbabit dalam aktiviti memecah belah umat Islam.

Perkara itu ditegaskan Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad terhadap pentadbir masjid dan surau, pemegang tauliah mengajar Majlis Agama Islam Selangor serta guru agama di negeri ini.

"Jais akan berusaha memastikan pihak berkaitan tidak terlibat dalam (aktiviti) menyebarkan perpecahan dan mencetus percakaran sesama umat Islam di Selangor," katanya pada 15 September.

Mohd Shahzihan turut mengingatkan masyarakat supaya tidak terlalu taasub dengan mana-mana parti politik selain mengelak melempar fitnah kerana dikhuatiri menggugat perpaduan kaum.

Beliau menjelaskan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sangat murka dan dukacita dengan tingkah laku umat Islam hari ini sepanjang pertemuan baru-baru ini.

"Islam menegaskan supaya kita menghadapi kemelut akhir zaman dengan cara tidak menyebelahi atau menentang mana-mana pihak," katanya.

PETALING JAYA

**VERANDO**  
RESIDENCE

Kediaman Peribadi  
Yang Eksklusif  
Untuk Anda

Daripada  
**RM2,100** Sebulan  
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air  
864-1211 kaki persegi

SATU PROJEK UNGGUL DARI PADA:  
MASTERON SDN BHD  
(79248-H)

VERANDO RESIDENCE

+603-92127886  
www.pjsouthcentral.com.my

Pemaju: Masteron Sdn Bhd (79248-H) • Jenis Kertanian: Pangsapuri • No. Lesen Pemaju: 750403-2025/011891 • Tempoh Sah: 22/03/2022 - 29/03/2025 • No. Permit Ajan dan Jualan: 7504-6/03-2024/0568/9(S) • Tempoh Sah: 30/03/2023 - 29/03/2024 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPJ/201001/P10/130201716 • Paparan Tanah: Pasakan 99 Tahun (bersih lama) 13/7/2116 • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh Diangka Siap: Dis. 2023 • Bilangan Unit: 526 • Harga Jualan: RM560,800 (Harga Minimum) - RM629,800 (Harga Maksimum) • Diskaun Bampunasa: 7% • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



## Pengangkutan awam selari RS-1

**SHAH ALAM** - Hasrat kerajaan persekutuan untuk mengukuhkan pengangkutan awam di Selangor yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) seiring Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Menyambut baik perancangan itu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya keterangkuman sektor itu bakal melonjakkan ekonomi negeri.

Beliau merujuk usaha penambahbaikan transit aliran bas, pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) Subang dan Pelabuhan Ketiga Pulau Carey.

"Saya menyambut baik ikhtiar ini dan menyatakan kesediaan negeri Selangor untuk diberi peranan dan terlibat dalam pembangunan BRT (Transit Aliran Bas).

"Pembangunan semula L TSAASS di Subang juga menjadi opsi (pilihan) kedua terutamanya dari segi pelancong Asia Tenggara," katanya pada 15 September.

## SelangorTV kini di aplikasi MYTV

**SHAH ALAM** - Stesen televisyen digital milik Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) mahu menjadi stesen televisyen percuma ke udara berdefinisi tinggi (FTA) melalui penglibatan dalam aplikasi MYTV Mana Mana.

Ketua Kluster Digitalnya Khairulnizam Bakri berkata penyertaan SelangorTV dalam penstriman 'Over-the-Top' (OTT) nasional terbesar sejak 1 September antara langkah awal ke arah itu.

"Penyertaan SelangorTV dalam aplikasi ini sebahagian usaha untuk menyampaikan mesej Kerajaan Negeri dengan lebih jelas kepada lebih ramai penonton.

"Kita harap SelangorTV mampu meluaskan lagi capaian selain membuka peluang menjadi salah satu stesen FTA suatu hari nanti," katanya pada 16 September.

## Kumpul RM500,000 infak anak yatim

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) berjaya mengumpul sumbangan RM507,590.62 menerusi program Malam AgungNya Cinta 2023 sempena bulan anak yatim.

Pengerusinya Tan Sri Mazlan Mansor berkata program bertema Mensyukuri Kebahagiaan Anak Yatim yang julung kali diadakan dihadiri 300 anak yatim.

"Menerusi program ini kita bawa khas konsep penceritaan berkenaan Nabi Muhammad S.A.W.

"Yide berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM507,590.62 dan sumbangan yang diberikan oleh para penaja rakan korporat serta orang ramai dimasukkan ke dalam Tabung Dana Anak Yatim dan Dana Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim, Pulau Indah," katanya pada 18 September.

# Teknologi tingkat hasil jagung

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mencari teknologi terbaik dan sesuai bagi penanaman jagung seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap eksport luar negara.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata Malaysia memerlukan empat juta tan jagung setahun untuk dijadikan makanan ayam tetapi tidak sampai lima peratus ditanam setakat ini.

"Kita akan buat di tanah seluas 300 ekar di Kuala Langat dan akan mencari

tanah lain yang sesuai dalam negeri ini. Kita sudah jumpa benih yang sesuai.

"Teknologi penanaman jagung bukan pertanian biasa. Di negara luar, 500 ekar dikira kecil kerana mereka tanam di tanah seluas 1,000 ekar dan ke atas," katanya seperti dilapor Bernama baru-baru ini.

Memfokus tanaman yang ada permintaan tinggi supaya tiada isu lambakan hasil, beliau berkata Kuala Langat bakal menjadi projek rintis

menggunakan penjenteraan bukan penanaman manual.

"Jagung ini ada pasaran sendiri. Jadi jika pasarannya sudah pasti, kita fokus yang itu. Tidaklah ada isu lambakan barangan tanaman tidak boleh dijual dan sebagainya," katanya.

Selain itu, beliau juga berazam untuk mengembalikan program Pesta Agro Selangor yang tertangguh sebelum ini akibat pandemik Covid-19 bagi membantu masyarakat tani di negeri ini.

## Perkenal sempena Tahun Melawat Selangor 2025

# Pakej pelancongan anjung utara negeri

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**SHAH ALAM** - Tahun Melawat Selangor 2025 antara usaha pentadbiran negeri bagi menyemarakkan lagi sektor pelancongan.

EXCO Pelancongan Ng Suee Lim berkata penganjuran lebih awal program itu berbanding kerajaan persekutuan dipersetujui hasil perbincangan bersama Tourism Selangor pada 12 September.



"Saya berhasrat untuk memperkasa sektor pelancongan negeri dan sasaran kerja yang akan dibuat tahun depan. Banyak perkara dipersetujui antaranya buat Tahun Melawat Selangor 2025.

"Selangor buat lebih awal projek ini dengan persiapan menghala ke arah itu bermula tahun depan. Kita mempunyai banyak destinasi pelancongan yang unik," katanya pada 13 September.

Beliau turut memaklumkan peran-

canggihnya untuk memperkenalkan pakej pelancongan berkonsep agropelancongan di anjung utara negeri selama tiga hari dua malam.

"Pakej ini memberi peluang kepada pelancong bercuti dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam. Pengamal media di Selangor akan dibawa untuk testimoni (percubaan).

"Banyak lagi perkara lain dirancang termasuk kaedah promosi pelancongan. Kita akan buat pengumuman pada sidang media dalam masa terdekat," katanya.

## Perluas operasi pusat anak istimewa

**SHAH ALAM** - Pusat intervensi Anak Istimewa Selangor (ANIS) bakal diperluas ke seluruh Selangor pada masa depan, kata EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari.

Beliau berkata perkara itu termasuk mengadakan pusat sedemikian di luar bandar akan dibawa ke sidang dewan negeri dan berharap cadangan tersebut diluluskan untuk belanjawan tahun depan.

"Kita bercadang mahu bekerjasama dengan Universiti Selangor (Unisel) dan Perbadanan Perpustakaan Awam

Selangor (PPAS) untuk menggunakan premis mereka sebagai pusat intervensi.

"Tumpuan kita membuka banyak pusat intervensi di kawasan luar bandar bagi memudahkan ibu bapa bawa anak istimewa mereka membuat rawatan tanpa perlu ke bandar," katanya pada 15 September.

Dalam perkembangan sama, Anfaal berkata pihaknya akan memete-



rai persefahaman dengan beberapa agensi atau institusi yang menawarkan kursus berkaitan penjagaan kanak-kanak istimewa.

"Cabaran kita sekarang adalah mahu mencari tenaga pengajar atau juruterapi terlatih untuk mendidik anak-anak istimewa ini.

"Menerusi kerjasama dengan beberapa agensi atau institusi, kita kumpulkan tenaga pengajar mahir yang boleh membimbing anak-anak ini," katanya.

## 248 hadir temu duga kali kedua

**SHAH ALAM** - Seramai 248 individu dipanggil menghadiri temu duga kali kedua untuk pelbagai jawatan dalam Jelajah Jobcare siri kedua yang dijalankan sejak 26 Ogos.

Ketua Penyelaras Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) Vijayan Subramaniam berkata pekerjaan itu antaranya eksekutif kanan, pembantu tadika dan pelajar latihan industri.

Menjelaskan 57 individu memperolehi pekerjaan serta-merta melalui program itu, beliau berkata 248 orang itu ditapis daripada 415 pencari kerja dalam tiga siri lokasi jelajah berkenaan.

"Sepanjang jelajah ini, kita bawa hampir 30 syarikat mengikut lokasi dalam pelbagai sektor antaranya pendidikan, perhotelan dan pelancongan," katanya pada 19 September.

Vijayan turut mempelawa orang ra-

mai untuk hadir ke program seterusnya di Dewan Dato' Abdul Hamid, Hulu Selangor pada 30 September.

Beliau menjelaskan sebanyak sembilan siri jelajah diadakan bermula di Petaling dan berakhir di Sabak Bernam pada 16 Disember.

"Jangan lepaskan peluang untuk hadir kerana puluhan kerjaya dalam pelbagai sektor menarik ditawarkan buat semua," katanya.





**LASAK...** Pengunjung melakukan aktiviti mendaki ketika Karnival Ekstrem Gua Damai 2023 di Taman Ekstrem Gua Damai, Gombak pada 17 September. Foto HAFIZ OTHMAN ▶ BERITA MUKA 24

## Masjid jadi pusat penyatuan

# Cegah fitnah, elak perbalahan umat

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Masjid perlu memainkan peranan sebagai pusat penyatuan masyarakat demi mewujudkan 'khaira ummah' (umat terbaik) yang diidamkan.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata tugas pentadbir menyampaikan kebenaran dan mencegah kemungkaran termasuk menghentikan perbalahan serta fitnah dalam masyarakat.

"Pentadbir masjid perlu menzahirkan sifat mahmudah agar menjadi contoh baik dengan menzahir kelakuan baik sebagai tabiat harian dan sentiasa

betulkan niat agar keikhlasan dapat dipupuk dan diredai Allah.

"Jadikan masjid berfungsi sebagai pusat penyatuan ummah menerusi penerapan ilmu dan kefahaman agar umat Islam menjadi umat yang berfikir terbuka berlandaskan syarak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis pusat Konvensyen Merealisisi Khaira Ummah Negeri Selangor di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Masjid Negeri di sini pada 14 September.

Bertema Mendominasi Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran, konvensyen itu dihadiri lebih 300 peserta termasuk imam, nazir, bilal, siak dan kakitangan

masjid seluruh daerah Petaling.

Dr Fahmi turut mengingatkan pentadbir masjid agar sentiasa peka perkembangan isu semasa dan bersedia membantu agensi agama menyampaikan kebaikan dan mencegah fitnah.

"Pegawai masjid harus melaksanakan pentadbiran masjid dengan penuh ikhlas serta memastikan rumah Allah selesa digunakan untuk beribadat.

"Ini adalah amanah dan tugas yang perlu dikongsi bersama anggota masyarakat, untuk memupuk kesatuan ummah yang akan memangkin kewujudan khaira ummah yang diidamkan," katanya.

## Jauhi sikap mudah menghukum

**SHAH ALAM** - Semua lapisan masyarakat negeri ini diseru menjauhi perbuatan menghukum menggunakan agama sewenang-wenangnya, selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah kesal sikap pihak tertentu yang sanggup menggunakan agama untuk

mewujudkan ketegangan umat demi meraih sokongan, kemasyhuran dan kuasa.

Beliau mengajak semua pihak supaya menghindari perbuatan dan budaya bersangka buruk, menyebarkan berita tidak tepat, memfitnah, mencela dan menghukum sewenang-wenangnya.

"Agar apa juga perbezaan pandangan akan memberi nilai tambah kepada kemakmuran negeri dan negara,

bukannya menjadi punca perbalahan, perpecahan dan kerosakan," katanya dalam kenyataan pada 16 September.

Beliau berkata rakyat juga perlu menerima pakai kontrak sosial yang dimekarkan dalam Perlembagaan Persekutuan supaya perpaduan masyarakat kekal seterusnya memacu kejayaan negara.

"Selangor penuh dengan elemen, faktor dan unsur utama bagi pembentukan sebuah tamadun yang unggul serta dicontohi," katanya.

## Padu tenaga wujud negeri harmoni

**SHAH ALAM** - Seluruh rakyat disaran menggembeng tenaga dan pemikiran bagi mewujudkan negeri yang harmoni serta bertoleransi.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata keharmonian antara aset berharga dalam pembangunan negeri seiring hasrat masyarakat madani yang diperkenalkan kerajaan.

"Keharmonian sukar dicapai tanpa kerjasama dan kesepaduan luar biasa antara kaum," katanya dalam Seminar Masyarakat Majmuk: Serumpun Bak Serai, Sesusun Bak Sirih pada 16 September.

Beliau menambah peluang yang adil juga harus diberi kepada semua lapisan rakyat tanpa memandang latar belakang mereka.

"Marilah kita terus memelihara nilai ini dan bekerja menuju masa depan yang lebih baik," katanya lagi.

## Rujuk saluran betul sebelum hujah

**SHAH ALAM** - Rakyat negeri ini dinasihatkan merujuk saluran betul sebelum berhujah menggunakan nama agama.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah menegaskan perbuatan menggunakan nama agama bagi memecah belah perpaduan sangat tidak wajar dan tidak sepatutnya berlaku.

"Semalam (15 September) khutbah Jumaat menyebut soal fatwa dan yang mana (fatwa) harus diikuti oleh rakyat. Di Selangor kita ada saluran rasmi (Jabatan Mufti).

"Rujuklah saluran rasmi untuk kefahaman kepada agama Islam sebenar. Islam agama untuk semua dan agama yang benar, jadi tidak perlulah guna agama untuk tujuan pecah belah (perpaduan)," kata pada 16 September.

## Tangani isu gugat perpaduan

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tekad menangani isu sensitif yang boleh mengancam perpaduan kaum di negeri ini sebaik mungkin.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata pihaknya memandang serius isu sensitif terutama berkaitan perbezaan kefahaman agama, adat dan budaya.

"Sebagai negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan budaya, masyarakat kita kadangkala berdepan isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan kesepakatan.

"Perbezaan dan kepelbagaian ini perlu diuruskan sebaik mungkin untuk mengelakkan tercetusnya perpecahan kaum serta rasis antara kaum dan agama," katanya pada 16 September.





## Ekonomi digital bantu perniagaan

**SHAH ALAM** - Usahawan wanita harus didedah dengan pelbagai akses ekonomi berteknologi tinggi bagi membantu mereka berjaya dalam perniagaan, kata Datin Seri Masdiana Muhamad.

Isteri Dato' Menteri Besar itu menjelaskan kualiti hidup golongan berkenaan mampu dipertingkatkan selaras sasaran negara yang mahu wanita berdaya saing menerusi pemeraksanaan sektor digital.

"Wanita mesti dididik dengan pendidikan keusahawanan secara berterusan bagi merapatkan jurang perbezaan jantina memandangkan lelaki dilihat lebih berjaya dalam bidang ini.

"Bagi pentadbiran negeri, pelbagai program dilaksana untuk menaikkan kualiti usahawan dan memastikan mereka mampu mentadbir urus syarikat dengan baik," katanya pada 14 September.

## Hijrah tawar dana hingga RM50,000

**SHAH ALAM** - Usahawan yang berhasrat mengubah perniagaan konvensional kepada digital dipelawa memohon skim yang disediakan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

Skim Go Digital menawarkan pembiayaan sehingga RM50,000 yang boleh dipohon menerusi mikrokredit.selangor.gov.my atau hubungi pegawai di cawangan Hijrah.

"Skim Go Digital diwujudkan untuk membantu usahawan mentransformasikan kaedah perniagaan ke arah pendigitalan melalui platform terkini dan moden.

"Pemasaran secara digital membantu meningkatkan keupayaan pasaran produk dan servis yang akhirnya mampu memaksimumkan keuntungan hasil jualan secara dalam talian," kata Hijrah.

Layari [www.hijrahselangor.com](http://www.hijrahselangor.com) untuk maklumat lanjut. Hijrah turut menawarkan skim i-Bisnes, Zero to Hero, Niaga Darul Ehsan (NaDI), i-Agro, i-Lestari, dan i-Bermusim.

## Dapatkan benih pisang Cavendish

**SHAH ALAM** - Orang ramai boleh membeli benih pisang Cavendish keluaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Benih bermutu tinggi itu boleh didapati di Makmal Kultur Tisu PKPS, Ladang Selangor Fruits Valley.

"Saiz pisang Cavendish lebih besar berbanding pisang berangan dan berat purata setandan mencecah lebih 20 kg.

"Rasa isinya manis dan buahnya berwarna kuning terang selain pertumbuhan yang seragam," menurut kenyataan di Facebook. Maklumat lanjut hubungi PKPS menerusi talian 012-302 7916.

# Lebih 300 mohon yuran daftar taska

**SHAH ALAM** - Sebanyak 315 permohonan insentif Yuran Pendaftaran Taska (Pintas) diterima setakat 15 September, sejak ia dibuka awal bulan ini.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata 32 daripadanya gagal kerana tidak memenuhi syarat Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

"Bagaimanapun, permohonan masih dibuka dan tiada tarikh tutup dan kita akan buka sehingga sasaran kuota 5,000 penerima dipenuhi.

"Ibu bapa yang berpendapatan isi

rumah antara RM5,001 hingga RM8,000 digalakkan memohon bantuan ini bagi mengurangkan beban menghantar anak ke taska," katanya.

Sebelum ini, Belanjawan Selangor 2023 menyediakan bantuan sekali bayar RM100 kepada ibu bapa yang memiliki anak berusia empat tahun ke bawah untuk kemasukan ke taska atau nurseri.

Insentif pendaftaran tahunan untuk golongan berpendapatan sederhana membabitkan dana keseluruhan RM500,000.

Ia terhad kepada dua anak usia bawah empat tahun untuk satu keluarga serta bukan penerima bantuan Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar) selain taska berdaftar.

Syarat lain antaranya pemohon dalam kalangan ibu bapa warganegara Malaysia, pengundi Selangor, menetap di negeri ini dan sedang bekerja.

Pemohonan boleh dibuat menerusi pautan [pintas.yawas.com.my](http://pintas.yawas.com.my) dengan melampirkan beberapa dokumen dalam tempoh 21 hari selepas pendaftaran.

## Tambah baik proses kutipan

# 78 peratus peniaga lunas pinjaman

Oleh **NINA FARZUIN MD SHAROM**

**SHAH ALAM** - Sebanyak 78 peratus usahawan memiliki disiplin dalam membayar balik pinjaman yang dibuat menerusi pelbagai pembiayaan yang ditawarkan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

EXCO usahawan menjelaskan beberapa pendekatan dipertimbangkan bagi menambah baik proses kutipan berikutan Hijrah berdepan kesulitan mengutip bayaran balik lebih 20 peratus peminjam.

Najwan Halimi menambah pendekatan itu antaranya kerjasama dengan pihak laporan kredit individu (CTOS) jika penerima tidak membuat bayaran atau tidak mengendah notis amaran.

Beliau berkata demikian dalam Program Hijrah Sihat dan Majlis Ramah Mesra di sini pada 14 September.

Najwan menambah Hijrah mengamal aspek fleksibiliti termasuk membenarkan peminjam membuat rayuan

dengan memberi penjelasan muhasabah andai mereka berdepan masalah untuk membuat bayaran.

"Apa yang perlu difahami, Hijrah ini tidak menerima sebarang dana atau geran daripada Kerajaan Negeri setakat ini.

Operasi Hijrah bergantung banyak kepada bayaran semula pembiayaan.

"Jika peminjam tidak disiplin untuk membayar semula ia sedikit sebanyak menjejaskan operasi kami selain peluang usahawan lain untuk memohon pembiayaan juga terkesan," katanya.



# Teruja pertama kali belanja di JER

**KLANG** - Seorang ibu tunggal teruja apabila pertama kali berpeluang membeli aneka barangan asas yang dijual pada harga murah dalam Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Sebelum ini, M Ponnammal, 61, tidak dapat sertai jualan murah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu berikutan lokasi jauh dari rumahnya.

Sejurus mengetahui program itu dianjurkan berhampiran kediamannya di Jalan Kastam, Pelabuhan Klang di sini hari ini, ibu seorang cahaya mata itu hadir bagi membeli barangan dapur.

"Saya tahu program ini dibuat di sini melalui kumpulan WhatsApp kawan-kawan. Jadi kali ini saya ambil kesempatan beli pelbagai barangan asas seperti ayam, telur, minyak ma-

sak dan ikan.

"Sebenarnya sudah lama saya mahu beli barangan dapur di program ini cuma tidak berpeluang sebab lokasinya jauh-jauh dan tiada pengangkutan untuk bergerak," katanya pada 17 September.

Suri rumah Nor Syazwani Ahmad Shukri, 28, pula berpuas hati walau beratur panjang demi mendapatkan barangan asas dengan harga jauh lebih murah berbanding pasaran.

"Saya tiba di sini kira-kira jam 9.15 pagi, tengok orang ramai beratur dan sempat beli ayam serta ikan. Semuanya murah-murah, paling penting segar dan berkualiti.

"Ini kali kedua saya datang JER, sebelum ini pernah beli barang di Pulau

Indah. Diharap program ini diteruskan dengan lebih kerap," katanya.

Operator kilang besi, S Ragu, 54, pula tidak menisai-siakan peluang memberi barangan keperluan asas pada program di Pandamaran.

"Seingat saya sudah lima kali dibuat di Pandamaran, cuma kali ini jauh sedikit dari rumah. Tetapi saya tetap datang walaupun kena beratur panjang semata-mata untuk dapat harga murah.

"Sebagai orang susah, program sebegini memang dinantikan. Saya harap ia diadakan lebih banyak bagi membantu golongan seperti kami," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 sekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).





“

Beta merayu kepada semua pemimpin politik khususnya pemimpin politik yang senior dan veteran supaya mengelak dari memecahbelahkan rakyat di negara ini sebaliknya mengambil pendekatan bagi menanam dan memupuk semangat perpaduan yang erat di kalangan semua kaum yang berlainan agama demi menjamin kesejahteraan negara



## Henti peralat agama

**D**uli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah pemimpin politik tidak wajar menggunakan agama demi meraih sokongan.

Baginda turut menegaskan keharmonian dan perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan budaya mesti dipertahankan demi kesejahteraan negara.

Berikut teks penuh titah Baginda yang juga Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang dikeluarkan pada 12 September.

Baru-baru ini kedengaran segolongan masyarakat di negara ini telah menyuarakan rungutan dan kebimbangan mereka terhadap perpecahan di dalam perpaduan dan keharmonian kaum yang selama ini dikecapi oleh rakyat di negara ini.

Mereka menggesa agar tindakan segera diambil untuk menangani isu yang telah membuahkan bibit-bibit perpecahan yang semakin ketara sejak kebelakangan ini. Malah ada yang berani menyatakan segolongan pemimpin-pemimpin politik adalah menjadi punca kepada perpecahan ini.

Berikutan dengan itu terdapat golongan yang telah memohon agar Raja-Raja Melayu bertindak untuk campur tangan menerusi apa jua ruang yang sah di sisi undang-undang untuk memayungi keamanan dan kedamaian demi kesejahteraan hidup rakyat.

Lantaran itu Beta selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam mengambil inisiatif untuk mengeluarkan kenyataan ini bagi menasihati semua pihak terutama orang-orang politik termasuk pemimpin-pemimpin politik untuk sama-sama memikirkan langkah bagi mengharmonikan dan menyatupadukan rakyat kerana mereka mempunyai pengikut yang ramai yang mana jika diberi mesej yang salah dan tidak tepat akan mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat.

Dalam usaha kita untuk memperolehi kuasa dan kedudukan, kita tidak seharusnya lupa bahawa perpaduan adalah teras kepada kejayaan sesebuah negara.

Negara akan mundur dalam segala aspek kehidupan sekiranya pemimpin politik cenderung kepada memupuk polarisasi kaum dan mengapi-apikan perasaan rakyat atas nama bangsa dan agama.

Rakyat yang terpengaruh dengan hasutan sesetengah pemimpin yang mempromosikan politik perkauman dan keagamaan akan

berpotensi mencetuskan perasaan curiga, perbalahan, perselisihan dan perpecahan.

### Radikalisme dan ekstremisme

Polarisasi yang melampau akan membawa kepada implikasi melahirkan unsur radikalisme dan ekstremisme di dalam masyarakat sehingga boleh mengancam keselamatan negara.

Pemimpin dan orang-orang politik seharusnya memupuk semangat perpaduan yang tinggi di dalam kehidupan pelbagai kaum oleh kerana semua kaum di negara ini memainkan peranan penting di dalam pembangunan budaya dan ekonomi negara.

Sebarang batas pemisah dan perbezaan antara kaum dan agama seharusnya diatasi dengan usaha-usaha mengadakan pelbagai program bagi merapatkan jurang pemisah demi mengelakkan sebarang parasangka buruk yang telah sedia ada.

Generasi muda pewaris bangsa seharusnya ditanam dengan semangat untuk bertolak-ansur dan memahami budaya dan agama pelbagai kaum yang diamalkan di negara kita.

Suka Beta mengingatkan kita semua kepada sejarah, kerana dengan melihat sejarah kita akan sedar bahawa sejarah telah membuktikan seandainya berlaku pertikaian dan perpecahan kaum serta perbalahan agama di dalam



sesebuah negara, kesannya akan membuahakan kebencian yang mendalam sehingga mencetuskan perang saudara (civil war) yang berlarutan yang mengakibatkan negara akan lumpuh dan hancur.

Adakah ini yang kita mahu lihat setelah negara mencapai kemerdekaan selama tempoh 66 tahun ini. Mahukah kita melihat pembangunan ekonomi yang pesat dan perpaduan yang erat di kalangan pelbagai kaum dan agama yang telah kita bina selama ini hancur begitu sahaja oleh kerana sikap sesetengah pemimpin politik yang hanya memikirkan kepentingan diri atau kepentingan sekelompok masyarakat semata-mata.

Jika kita melihat kepada sejarah pembentukan negara sebelum dan di ambang kemerdekaan dahulu, kerajaan British dan pemimpin negara yang diketuai oleh Perdana Menteri pada ketika itu Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj telah melakarkan satu sistem pemerintahan yang berpaksikan kepada demokrasi berparlimen raja berperlembagaan.

#### Kuasa eksekutif

Konsep pemerintahan yang dilahirkan ini meletakkan kuasa eksekutif Raja-Raja Melayu diperturunkan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang diketuai oleh seorang perdana menteri di peringkat persekutuan dan menteri besar di peringkat negeri.

Lantaran itu, kerajaan dan pemimpin politik seharusnya menyedari bahawa kuasa yang mereka sandang dan perolehi itu asal-usulnya terletak hak kepada Raja-Raja Melayu dan kemudian diamanahkan kepada pihak kerajaan yang dianggotai oleh kabinet di peringkat persekutuan dan Exco di peringkat negeri untuk memerintah dengan penuh adil dan bertanggungjawab kepada semua rakyat Malaysia.

Semua ini telah sedia termaktub di dalam perlembagaan persekutuan dan undang-undang tubuh kerajaan negeri-negeri di Malaysia.

Di dalam pada itu satu perjanjian kontrak sosial telah termeteri di antara pemimpin pelbagai kaum di negara ini ketika negara mencapai kemerdekaan.

Kontrak sosial ini dilahirkan bagi menjamin kedudukan, hak warganegara dan hak semua kaum di negara ini terpelihara dengan mengambil pelbagai pertimbangan dari pelbagai sudut.

Malah bagi memastikan kontrak sosial ini dilaksanakan seperti yang dipersetujui ianya telah diterjemahkan dalam bentuk peruntukan-peruntukan di dalam perlembagaan persekutuan.

Oleh itu rakyat tidak perlu lagi dihasut oleh mana-mana pihak untuk melahirkan rasa tidak puas hati dan berprasangka buruk antara satu sama lain kerana undang-undang telah menjamin hak masing-masing.

Namun apa yang berlaku di negara kita ini amat membimbangkan terutama menjelang sesuatu pilihan raya. Isu-isu yang melibatkan kaum dan agama sentiasa dimainkan sebagai isu untuk meraih sokongan dan undi.

Apa yang sepatutnya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin politik ini adalah dengan mengusulkan pelbagai rancangan pembangunan ekonomi untuk manfaat rakyat keseluruhannya.

#### Fatwa berleluasa

Permasalahan yang dihadapi rakyat sepatutnya diutamakan pada setiap sesi bertemu rakyat demi meyakinkan rakyat bahawa



**Beta menyeru agar janganlah agama diperalatkan bagi meraih sokongan kerana rakyat akan menjadi mangsa kepada perbalahan orang-orang politik yang menunggang agama demi kepentingan diri. Beta juga menyeru kepada pihak polis agar mengambil tindakan yang proaktif di dalam menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mereka yang membangkitkan isu-isu sensitif yang melibatkan agama, kaum dan kedudukan Raja-Raja Melayu supaya menjadi satu pengajaran dan ketakutan kepada mereka yang berhasrat melakukan perkara yang sama di masa hadapan**

pemimpin politik sentiasa memikirkan cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Di kesempatan ini juga Beta ingin membangkitkan isu berkaitan dengan pengeluaran fatwa secara berleluasa oleh sebahagian pemimpin-pemimpin politik sejak akhir-akhir ini yang merupakan satu trend yang amat membahayakan.

Beta ingin menegaskan di sini bahawa di negara ini, fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri atau mufti setelah mendapat perkenan dari Raja bagi setiap negeri yang mengeluarkan sesuatu fatwa itu.

Di samping itu Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) juga bertanggungjawab di dalam mengeluarkan pandangan hukum setelah perbincangan dengan mufti-mufti dari setiap negeri diadakan dan setelah mendapat perkenan dari Majlis Raja-Raja.

Selanjutnya pandangan hukum tersebut diangkat untuk pertimbangan setiap jawatankuasa fatwa negeri dan mendapat perkenan Raja bagi sesebuah negeri untuk difatwakan.

Sesuatu fatwa yang dikeluarkan bukan semata-mata atas dasar pandangan individu seorang mufti sahaja, bahkan ia dibuat secara kesepakatan majoriti ahli samada di dalam Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan MKI dan/atau jawatankuasa fatwa negeri-negeri yang terdiri daripada alim ulama dan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing.

Ini adalah bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan adalah tepat dan membawa kebaikan kepada umat Islam dan seluruh

rakyat.

Sebaliknya sekiranya fatwa dibenarkan untuk dikeluarkan oleh orang-orang politik dan pemimpin-pemimpin politik ianya akan pasti mencetuskan perbalahan, perpecahan, keganasan di dalam masyarakat yang akhirnya meranapkan tamadun sesuatu bangsa.

Oleh itu suka Beta mengingatkan dan menggesa kepada rakyat sekalian terutama pemimpin-pemimpin politik agar segera memberhentikan perbuatan mengeluarkan fatwa secara tidak bertanggungjawab ini demi memelihara perpaduan rakyat di negara ini.

#### Jangan peralat agama

Beta tidak sanggup melihat rakyat berpecah-belah oleh tindak-tanduk sesetengah pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab ini.

Ingatan Beta ini tidak bermaksud menyebelahi mana-mana pihak atau golongan mana-mana parti politik. Malah Beta memilih untuk mengeluarkan kenyataan ini selepas pilihan raya negeri dan pilihan raya kecil selesai bagi mengelakkan kenyataan Beta disalahertikan sebagai memihak sesuatu kumpulan politik.

Beta menyeru agar janganlah agama diperalatkan bagi meraih sokongan kerana rakyat akan menjadi mangsa kepada perbalahan orang-orang politik yang menunggang agama demi kepentingan diri.

Beta juga menyeru kepada pihak polis agar mengambil tindakan yang proaktif di dalam menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mereka yang membangkitkan isu-isu sensitif yang melibatkan agama, kaum dan kedudukan Raja-Raja Melayu supaya menjadi satu pengajaran dan ketakutan kepada mereka yang berhasrat melakukan perkara yang sama di masa hadapan.

Beta menegaskan di sini, Raja-Raja Melayu dan Majlis Raja-Raja mempunyai peranan di dalam memelihara hak orang-orang Melayu dan agama Islam sentiasa terjamin. Di samping itu Raja-Raja Melayu juga bertanggungjawab menjamin hak dan keselamatan kaum-kaum lain yang membentuk rakyat Malaysia.

Rakyat serta pemimpin politik tidak perlu bimbang tentang pemeliharaan hak kaum masing-masing dan agama yang dianuti oleh setiap kaum di negara ini.

Ini adalah kerana undang-undang negara khususnya perlembagaan persekutuan telah memperuntukkan hak bagi semua kaum dan agama kepada setiap rakyat Malaysia.

Manakala Raja-Raja Melayu berperanan memayungi dan menjamin semua hak yang termaktub di dalam perlembagaan persekutuan tersebut sentiasa dipelihara.

Sebagai mengakhiri kenyataan Beta ini, Beta merayu kepada semua pemimpin politik khususnya pemimpin politik yang senior dan veteran supaya mengelak dari memecahbelahkan rakyat di negara ini sebaliknya mengambil pendekatan bagi menanam dan memupuk semangat perpaduan yang erat di kalangan semua kaum yang berlainan agama demi menjamin kesejahteraan negara.

Peliharalah negara kita dengan baik kerana inilah satu-satunya tanah tumpah darah kita yang perlu kita pertahankan kemakmuran dan kedaulatannya.

**PERTAHAN DAN SETIA KEPADA AGAMA ISLAM BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA**



# Gelombang 25 tahun



Oleh **FATHI ARIS OMAR**

**G**erakan Reformasi 1998 lahir daripada semangat perlawanan. Lawan tetap lawan, lawan sampai menang. Tetapi belum ada harapan. Sepuluh tahun semangat perlawanan menyala tanpa tanda-tanda jelas kemenangan.

Hidup sepanjang dasawarsa ini penuh pertarungan dan keperitan. Tangkapan bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan intipan polis sentiasa menghantui pemimpin dan aktivis. Media arus perdana membungkam semua suara kritikan.

Selain pentas ceramah gabungan pembangkang Barisan Alternatif (BA), badan kehakiman dan polis menjadi sorotan ramai. Datuk Seri Anwar Ibrahim dibicara selama dua tahun bagi dua kes yang dianggap “konspirasi politik peringkat tertinggi”.

Terengganu, yang dirampas BA pada pilihan raya umum (PRU) 1999, ditarik balik royalti petroleum pada September 2000, menjejaskan kira-kira 80 peratus pendapatan negeri. Rasa dizalimi membuak-buak.

Persempadanan baharu pilihan raya dibentang pada 2003 dengan hasrat menghalang kemaraan BA yang meraih sokongan besar pengundi Melayu. Mewujudkan lebih banyak kerusi campuran bukan Melayu antara “dosa terbesar” Tun Dr Mahathir Mohamad, kata pemimpin PAS.

Hairannya, demonstrasi yang dimulakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur sejak 20 September 1998 tidak pernah padam. Ia tetap diteruskan kecil-kecilan. Ada kalanya melimpah ke Lebuhraya Shah Alam (Kesas) pada November 2000.

Perhimpunan di Masjid Negara dan Dataran Merdeka 25 tahun lalu menjadi penanda aras perlawanan dengan bantahan besar bagi menuntut pilihan raya bebas dan adil mulai 2007 atau mendesak pemansuhan ISA pada 2009.

Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (Hindraf)

pula muncul dalam tunjuk perasaan terbesar etnik India pada November 2007, selang dua minggu selepas demonstrasi Bersih kali pertama.

Pada September tahun itu, kumpulan peguam berarak di Putrajaya bagi mendesak siasatan klip video pengaturan hakim, skandal badan kehakiman paling panas yang didedahkan Anwar daripada rakaman sulit lima tahun sebelumnya.

Pertengahan 2006, orang ramai turun di jalan raya bagi membantah kenaikan harga minyak dan tarif elektrik. Dengan bantuan blog, pada tempoh yang sama, Dr Mahathir melancarkan siri serangan terhadap penggantinya Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Digelar “tsunami politik”, setelah satu dekad bertarung, pilihan raya 8 Mac 2008 menguak harapan. Selain Kelantan, empat lagi negeri termasuk Selangor jatuh ke tangan gabungan pembangkang, kemudiannya dikenali Pakatan Rakyat (PAKATAN). Barisan Nasional hilang majoriti dua pertiga di Parlimen.

## Pergeseran dalaman

Tiba masanya negeri-negeri ini membuktikan semangat reformasi. Selangor mendahului dengan memperkenalkan Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor pada 2010 selepas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor dibentuk dua tahun lebih awal. (rujuk laporan ‘Rintis reformasi pentadbiran’, *Selangorkini*, 9-15 Mac 2023)

Bagaimanapun harapan kejayaan ini datang bersama ujiannya tersendiri. Perak kembali ke tangan BN setelah berlaku insiden melompat parti beberapa wakil rakyat. Beberapa ahli parlimen PAKATAN berpindah sokongan kepada kerajaan pusat.

Selain serangan media yang makin meningkat kepada lima kerajaan negeri PAKATAN, berlaku pula pergeseran dalaman parti dan juga antara tiga parti ini. ► **SAMBUNG MUKA 14**

## Gelora politik negara

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

### 2 September 1998

Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kabinet. Dipecat dari Umno dua hari kemudian

### 20 September 1998

- Anwar ketua demonstrasi puluhan ribu orang di Masjid Negara dan Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- polis pecah masuk rumahnya di Bukit Damansara dan tahan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan
- malam itu juga Anwar dibelasah Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor. Kemudian ditahan bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

### 27 September 1998

Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK), diketuai Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, ditubuh untuk henti salah guna ISA

### 29 September 1998

Anwar muncul di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan mata lebam, mengejutkan orang ramai

### 27 Januari 1999

suruhanjaya diraja menyiasat insiden mata lebam Anwar ditubuh. Rahim bersalah, dihukum penjara dua bulan dan denda RM2,000 pada 30 April 2001

### 4 April 1999

Parti Keadilan Nasional (KEADILAN) dilancar di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur

### 14 April 1999

Anwar dihukum penjara enam tahun, selepas didakwa pada 5 Oktober 1998. Tarikh ini dianggap Gelita 14

### 19 September 1999

demonstrasi di Masjid Negara, Anwar didakwa diracun arsenik

### 18 November 1999

Profesor Jomo KS saman kerajaan, tidak masukkan 680,000 pengundi untuk pilihan raya umum

### 29 November 1999

Terengganu jatuh ke tangan Barisan Alternatif (BA) pada pilihan raya umum. Banyak kerusi dimenangi pembangkang

### 30 November 1999

permit penerbitan majalah proreformasi yang diterbitkan dua kali sebulan Detik ditamatkan

### 2 Mac 2000

mingguan PAS Harakah dilarang terbit lapan kali sebulan, hanya dibenar dua kali sahaja. Pada 12 Januari, editornya Zulkifli Sulong didakwa bawah Akta Hasutan

### 14 April 2000

ulang tahun pertama Gelita 14 (Black 14)

### 15 April 2000

mingguan isu semasa Eksklusif yang jadi rujukan utama peminat politik ditamatkan. Majalah anak muda Wasilah tidak disambung 31 Ogos

### 8 Ogos 2000

Anwar dihukum penjara sembilan tahun bagi kes kedua

### 5 September 2000

royalti minyak kepada Terengganu ditarik balik, diganti dengan wang ihsan







# AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR PENGGAL KE-15



Datuk Rizam Ismail  
N01 Sungai Air Tawar



Sallehen Mukhyi  
N02 Sabak Bernam



Mohd Razali Saari  
N03 Sungai Panjang



Ng Suee Lim  
N04 Sekinchan



Mu'izzuddeen Mahyuddin  
N05 Hulu Bernam



Lee Kee Hiong  
N06 Kuala Kubu Baharu



Muhammad Muhaimin  
Harith Abdullah Sani  
N07 Batang Kali



Dr Mohd Zamri Mohd  
Zainuldin  
N08 Sungai Burong



Nurul Syazwani Noh  
N09 Permatang



Datuk Noorzley Yahya  
N10 Bukit Melawati



Jefri Mejan  
N11 Ijok



Datuk Harrison Hassan  
N12 Jeram



Mohd Rafiq Mohd Abdullah  
N13 Kuang



Chua Wei Kiat  
N14 Rawang



Anfaal Saari  
N15 Taman Templer



Dato' Seri Amirudin Shari  
N16 Sungai Tua  
Dato' Menteri Besar



Lau Weng San  
Speaker



Muhammad Hilman Idham  
N17 Gombak Setia



Dato' Seri Mohamed  
Azmin Ali  
N18 Hulu Kelang



Mohd Kamri Kamaruddin  
N19 Bukit Antarabangsa



Syed Ahmad Syed Abdul  
Rahman Alhadad  
N20 Lembah Jaya



Ir Izham Hashim  
N21 Pandan Indah



Yew Jia Haur  
N22 Teratai



Datuk Wira Johan Abd Aziz  
N23 Dusun Tua



Nushi Mahfodz  
N24 Semenyih



Cheong Kian Young  
N25 Kajang



Mohd Shafie Ngah  
N26 Sungai Ramal



Ong Chun Wei  
N27 Balakong



Wong Siew Ki  
N28 Seri Kembangan



Abbas Salimmi  
Che Adzmi @ Azmi  
N29 Seri Serdang



Ng Sze Han  
N30 Kinrara



Michelle Ng Mei Sze  
N31 Subang Jaya



Dr Mohammad Fahmi  
Ngah  
N32 Seri Setia



Dr Afif Bahardin  
N33 Taman Medan



Rajiv a/I Rishyakaran  
N34 Bukit Gasing



Lim Yi Wei  
N35 Kampung Tunku



Jamaliah Jamaluddin  
N36 Bandar Utama



Pua Pei Ling  
N37 Bukit Lanjan



Dato' Dr Halim Tamuri  
N38 Paya Jaras



Muhammad Izuan Ahmad  
Kasim  
N39 Kota Damansara



Mohd Najwan Halimi  
N40 Kota Anggerik



Danial Al-Rashid Haron  
Aminar Rashid  
N41 Batu Tiga



Mariam Abdul Rashid  
N42 Meru



Noor Najhan  
Mohamad Salleh  
N43 Sementa



Datuk Abdul Rashid Asari  
N44 Selat Klang



Dr Quah Peng Fei  
N45 Bandar Baru Klang



Azmizam Zaman Huri  
N46 Pelabuhan Klang



Leong Tuck Chee  
N47 Pandamaran



Dr Gunarajah A/L R George  
N48 Sentosa



Wan Dzahanurin Ahmad  
N49 Sungai Kandis



Preakas A/L Sampunathan  
N50 Kota Kemuning



Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi  
N51 Sijanggang



Papparaidu A/L Veraman  
N52 Banting



Rosnizan Ahmad  
N53 Morib



Borhan Aman Shah  
N54 Tanjung Sepat



Datuk Seri Jamil Salleh  
N55 Dengkil



Lwi Kian Keong  
N56 Sungai Pelek



**5 November 2000**

polis sekat penyokong reformasi di Lebuhraya Shah Alam (Kesas) ketika mereka menuju ke Jalan Kebun, Klang

**10 April 2001**

10 pemimpin Pemuda KEADILAN dan aktivis reformasi ditahan bawah ISA menjelang Gelita 14 kedua

**30 April 2001**

Gerakan Mansuhkan ISA dibentuk, dianggotai lebih 80 organisasi

**12 Mei 2001**

lima tuduhan jenayah Anwar digugur pihak pendakwa raya kerana kekurangan bukti

**22 September 2001**

DAP tarik diri daripada BA

**31 Oktober 2003**

Tun Dr Mahathir Mohamad letak jawatan, diganti Tun Abdullah Ahmad Badawi

**21 Mac 2004**

Barisan Nasional (BN) catat kemenangan terbesar pada PRU ke-11

**2 September 2004**

Mahkamah Persekutuan bebaskan Anwar daripada kesalahan seksual kerana kurang bukti



**10 Oktober 2007**

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) anjur perhimpunan di Kuala Lumpur

**25 November 2007**

Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (Hindraf) anjur perhimpunan besar di Kuala Lumpur

**8 Mac 2008**

Lima negeri jatuh ke tangan pembangkang pada PRU-12. BN hilang majoriti dua pertiga di Parlimen

**1 April 2008**

Pakatan Rakyat (PAKATAN) ditubuhkan dengan gabungan KEADILAN, PAS dan DAP

**14 April 2008**

Anwar kembali ke arena politik, lebih 10,000 penyokong sambut dalam satu perhimpunan

**4 Februari 2009**

BN bentuk kerajaan di Perak selepas tiga wakil rakyat PAKATAN lompat parti

**2 April 2009**

Abdullah letak jawatan perdana menteri, diganti Datuk Seri Najib Razak

**9 Julai 2011**

Bersih 2.0 adakan perhimpunan besar, tuntutan pilihan raya bersih, bebas dan adil

**28 April 2012**

Sekali lagi demonstrasi Bersih diadakan di Kuala Lumpur. Polis bertindak ganas, termasuk kepada wartawan

**5 Mei 2013**

PRU ke-13 sengit. PAKATAN hilang Kedah, kekal di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Undi popular PAKATAN atasi BN

**29 dan 30 Ogos 2015**

Bersih 4 diadakan serentak di Kuala Lumpur, Kota



▶ Selangor dilanda krisis menteri besar, sementara PAS retak hingga melahirkan Parti Amanah Negara.

PAS pula berpisah daripada DAP tetapi tidak meninggalkan kerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), terus berada dalam pentadbiran Selangor. Semua krisis ini berlaku, satu demi satu, selepas kejayaan PAKATAN meraih undi popular lebih besar daripada BN pada pilihan raya umum 2013.

Namun desakan untuk reformasi tidak pernah dilupakan, termasuk menuntut pilihan raya bebas dan adil. Buat pertama kali dakwat kekal diperkenalkan pada pilihan raya sedekad lalu hasil desakan reformasi pembangkang.

Beberapa akta penting diperkenalkan sebelum Abdullah diisak keluar pada April 2009. Beliau memperkenalkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menambah lagi keupayaan bertindak badan itu.

Abdullah juga memperkenalkan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) dan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) walau sebahagiannya masih tidak memuaskan dan mengundang kritikan.

**Pembelotan 2020**

Semua akta ini digubal selepas menerima syor beberapa suruhanjaya bebas siasatan diraja (RCI), antaranya bagi menambah baik badan kepolisan dan juga kehakiman sebelum PRU 2008 lagi.

Akta zalim ISA yang menakutkan itu terpaksa dimansuh oleh kerajaan Datuk Seri Najib Razak pada Julai 2012 hasil kempen berterusan sejak 1998 dan demonstrasi besar menolak undang-undang tersebut pada 2009.

Ketika pergeseran sesama PAKATAN itu, meledak pula skandal syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), selain isu pembunuhan Altantuya



Kinabalu dan Kuching, tuntutan pilihan raya bebas dan adil, kerajaan telus, hak berdemostrasi, kukuhkan demokrasi berparlimen dan selamatkan ekonomi negara

**22 September 2015**

Pakatan Harapan (HARAPAN) ditubuh, gantikan PAKATAN, dianggotai KEADILAN, DAP dan Parti Amanah Negara

**4 Mac 2016**

Deklarasi Rakyat menuntut Najib lepas jawatan susulan isu 1Malaysia Development Berhad



Shaariibuu dan kapal selam Scorpene yang tidak surut-surut sejak hujung 2006.

Di saat inilah, selepas gerakan Deklarasi Rakyat dilancar pada Mac 2016, Dr Mahathir berjabat tangan dengan Anwar di mahkamah selepas krisis tajam selama 18 tahun.

Peristiwa ini melicinkan proses kerjasama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dengan Pakatan Harapan (HARAPAN), gabungan baharu yang menggantikan PAKATAN apabila PAS memilih jalannya sendiri.

Datang PRU 9 Mei 2018, penguasaan BN selama 60 tahun pun berakhir. Pelbagai usaha reformasi mula digerakkan lebih banyak. Pindaan perlembagaan dibuat pada Julai 2019 bagi membolehkan remaja seawal 18 tahun turun mengundi.

Namun, sekali lagi, usaha reformasi tergendala akibat pembelotan Bersatu dan sekumpulan ahli parlimen KEADILAN pada Februari 2020.

Ketika negara dilanda Covid-19, kerajaan Perikatan Nasional (PN) bertindak sesuka hati dengan merampas negeri-negeri, sepanjang 2020, yang asalnya dimenangi HARAPAN. PN juga memperkenalkan darurat pada Januari 2021.

Tetapi usia pentadbiran ini tidak panjang. Darurat yang menguatkan kuasa Tan Sri Muhyiddin Yassin tanpa proses semak dan imbang menjadi punca kejatuhannya sehingga diganti Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ogos 2021.

Pemimpin Umno itu bersedia menghulur tangan kerjasama dengan HARAPAN yang membolehkan sejumlah lagi reformasi penting dilaksanakan. Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik ditandatangani pada 13 September tahun itu.

Pencapaian terbesar persefahaman, antaranya, meminda perlembagaan bagi melarang tindakan lompat parti, mengukuhkan kembali Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan mewartakan pengundi 18 tahun. Semua warga layak mengundi apabila pendaftaran automatik daftar pemilih diluluskan.

Berkat pindaan inilah terbentuknya Kerajaan Perpaduan selepas pilihan raya umum 19 November 2022. Anwar, bersama agenda reformasi, yang meniti liku keperitan dan pengkhianatan selama 25 tahun akhirnya diangkat ke Putrajaya.

Maka bermulalah babak-babak baharu politik negara. Reformasi institusi terbentang luas. Akhirnya, siapapun tokoh dan apapun pentasnya, semua bangsa memerlukan kaum pembaharu. Pada setiap zaman rakyat pasti bangkit menuntut perubahan.

**5 September 2016**

Anwar jabat tangan dengan Dr Mahathir di mahkamah semasa cabar Akta Majlis Keselamatan Negara. Waktu itu, Anwar dipenjarakan lima tahun atas kes ketiga

**20 Mac 2017**

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sertai HARAPAN

**7 Januari 2018**

HARAPAN namakan Mahathir calon perdana menteri.



# Reformasi perundangan

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**D**i luar kerajaan, Gerakan Reformasi mendesak pelbagai bentuk perubahan perundangan. Ketika berkuasa, parti-parti yang mendukung semangatnya memperkenalkan pembaharuan. Perjalanan masih panjang tetapi ia sudah bermula sejak 25 tahun lalu.

## 4 Februari 2004

- Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ditubuh susulan peningkatan kematian dalam tahanan
- setahun selepas itu, RCI syor tubuh Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC)

## 19 September 2007

Datuk Seri Anwar Ibrahim dedah klip video perbualan telefon peguam VK Lingam dengan Ketua Hakim Negara Tun Ahmad Fairuz Abdul Halim atur lantikan hakim. Video dirakam Loh Gwo Burne pada 2002

## 26 September 2007

Kira-kira 2,000 peguam dan orang awam berarak di Putrajaya, tuntutan tubuh RCI siasat klip perbualan tersebut

## 16 November 2007

kerajaan tubuh RCI siasat klip video perbualan telefon peguam Lingam dengan Ahmad Fairuz

## 8 Mac 2008

Pakatan Rakyat menang lima negeri, sekali gus nafi majoriti dua pertiga Barisan Nasional (BN)

## 20 Mei 2008

syor RCI diumumkan, klip video disahkan tulen, Lingam dengan Ahmad Fairuz atur pelantikan hakim

## 31 Ogos 2008

Anwar cadang 16 September dijadikan cuti umum di seluruh negara untuk sambut Hari Malaysia

## 10 Disember 2008

rang undang-undang (RUU) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pelantikan Hakim dibentang di Parlimen

## 1 Januari 2009

SPRM mula beroperasi, ganti Badan Pencegah Rasuah

## 8 Januari 2009

Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman diwartakan, dikuat kuasa 2 Februari

## 1 Ogos 2009

demonstrasi Mansuhkan ISA di Kuala Lumpur, sempena ulang tahun ke-49 akta benarkan seseorang ditahan tanpa bicara

## 3 September 2009

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) diwartakan, ganti RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) 2005

## 19 Oktober 2009

kerajaan isytihar cuti umum pada 16 September setiap tahun bagi sambut Hari Malaysia seperti disaran Anwar

Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai timbalannya

## 9 Mei 2018

BN kalah kali pertama dalam sejarah, hanya tinggal 79 kerusi Parlimen. Dr Mahathir dilantik perdana menteri

## 16 Mei 2018

Anwar terima pengampunan Yang di-Pertuan Agong

## 13 Oktober 2018

Anwar menang pilihan raya kecil Port Dickson



## 9 Julai 2011

demonstrasi BERSIH 2.0 menuntut, antaranya, penggunaan dakwat kekal ketika pilihan raya

## 15 September 2011

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak umum rancang mansuh ISA

## 17 April 2012

Dewan Rakyat meluluskan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA)

## 31 Julai 2012

ISA mansuh secara rasmi, diganti dengan SOSMA

## 15 Julai 2012

pembaharuan tahunan lesen mesin cetak dan permit penerbitan dimansuh, selaras pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012

## 5 Mei 2013

dakwat kekal digunakan pertama kali dalam pilihan raya umum ke-13

## 28 Jun 2018

Kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) pertimbang tubuh Majlis Media seperti dijanjikan dalam manifesto

## 16 Julai 2019

Dewan Rakyat luluskan pindaan perlembagaan turunkan umur layak mengundi kepada 18 tahun daripada 21 tahun

## 18 Julai 2019

RUU IPCMC dibentangkan di Parlimen

## 3 Disember 2019

Bacaan kedua dan ketiga RUU IPCMC ditangguh

## 23 Februari 2020

Kerajaan HARAPAN tumbang, Tan Sri Muhyiddin Yassin angkat sumpah perdana menteri pada 1 Mac

## 23 Februari 2020

Bersatu keluar HARAPAN, bersama 11 pemimpin KEADILAN. Dr Mahathir letak jawatan perdana menteri keesokannya

## 1 Mac 2020

Muhyiddin angkat sumpah perdana menteri yang kelapan

## 11 Januari 2021

kerajaan isytihar darurat atas alasan lawan Covid-19

## 13 September 2021

- Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik dipersetujui antara Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan HARAPAN

- butiran MoU itu antaranya melulus RUU anti lompat parti, percepat pelaksanaan Undi 18 dan pendaftaran pengundi automatik, lulus pindaan perlembagaan untuk hadkan tempoh jawatan perdana menteri kepada 10 tahun. Pindaan perlembagaan kukuhkan Perjanjian Malaysia (MA63) dan kebebasan institusi kehakiman

## 14 Disember 2021

Parlimen lulus RUU Pindaan Perlembagaan kukuhkan MA63

## 15 Disember 2021

pendaftaran automatik dan pengundi umur 18 tahun berkuatkuasa

## 26 Julai 2022

RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 diluluskan di Parlimen

## 28 Julai 2022

Dewan Rakyat lulus pindaan perlembagaan larangan lompat parti

## 5 Oktober 2022

larangan lompat parti berkuatkuasa selepas dapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos

## 24 November 2022

Anwar angkat sumpah perdana menteri selepas berjaya bentuk Kerajaan Perpaduan

## 28 Julai 2023

RUU tubuhkan Majlis Media dijangka dibentang di Parlimen pada Mac 2024

## 16 September 2023

Anwar beri jaminan laksanakan segala perjanjian dimeterai dalam MA63

## 20 Ogos 2021

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik perdana menteri, ganti Muhyiddin

## 19 November 2022

PRU ke-15, tiada parti peroleh majoriti mudah. Yang di-Pertuan Agong saran bentuk Kerajaan Perpaduan

## 24 November 2022

Anwar angkat sumpah perdana menteri kesepuluh



# Covid-19 rentap vokal merdu Nana

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

**D**ada selalu berasa sempit. Nafas tidak lagi panjang apabila melantunkan vokal tinggi. Malah sering termengah-mengah menghabiskan nyanyian. Penyanyi Siti Nordiana Alias pasrah dengan dirinya yang tidak lagi seperti dulu.

Wanita berumur 38 tahun itu menelan hakikat pahit bahawa jangkitan Covid-19 sudah mengubah hidup. Sejak 2020, lima kali virus berbahaya itu menyerang dirinya.

Meski bernasib baik pulih, peti suaranya disahkan cedera oleh doktor. Ia mendatangkan kebimbangan kerana anak jati Felda Sendayan, Seremban itu mencari rezeki menerusi persembahan nyanyian selain berlakon.

Ibu kepada seorang anak lelaki itu mendapatkan rawatan intensif daripada pakar telinga, hidung dan tekak (ENT) sejak Jun. Dia terpaksa bergantung kepada ubat-ubatan untuk kekal aktif.

“Sejak tahun lepas saya sudah sedar ada masalah pada pita suara. Covid-19 memang beri kesan pada bahagian paru-paru. Kita jadi mudah penat dan pernafasan makin sempit.

“Ada kalanya kita rasa penat nak menyanyi dan suara jadi ketat. Jadi, dalam tiga bulan ini, ada ubat-ubatan yang perlu saya ambil dan pantau pita suara saya,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Walau berdepan masalah kesihatan sehingga menjejaskan peti suaranya, ia tidak menghalang Siti Nordiana tampil bertanding di program realiti *Gegar Vaganza* (GV) musim kesepuluh.

Edisi *All Star Gegar Vaganza* yang bersiaran pada 24 September menampilkan 10 bekas juara yang pernah berentap di program itu untuk musim sebelumnya.

“Saya tidak mahu mengalah awal. Saya takkan tahu jika tidak cuba. Daripada takut suara terkucil, lebih baik saya cabar diri. Saya pun sudah bersedia dengan segala kemungkinan di atas pentas.

“Hidup saya berubah sejak menjuarai GV musim kedua. Jadi, saya mahu memberi penghargaan kepada produksi GV yang memberi peluang kepada saya ketika musim kedua,” jelasnya.

## Kerap di TikTok

Selepas hampir dua dekad dalam industri seni, wanita yang mesra dengan panggilan Nana masih berdepan kritikan pedas peminat muzik yang menganggapnya tidak boleh menyanyi.

Semuanya gara-gara persembahan di pentas Anugerah Juara Lagu beberapa tahun lalu serta penampilan di Anugerah TikTok 2023 yang dianggap teruk kerana terkucil ketika membuat

persembahan.

Ada juga peminat muzik mendakwa persembahan Artis Wanita Popular Anugerah Bintang Popular ke-34 itu yang kurang memuaskan sejak kebelakangan ini membuatkan popularitinya semakin luntur.

Tambahan pula wajahnya sudah tidak lagi kerap muncul di kaca televisyen seperti drama *Dia Semanis Honey* yang mendapat sambutan menggalakkan pada 2016.

“Bila tidak muncul di televisyen memang ramai yang sangka kita sudah tidak dapat tawaran. Sebenarnya, kehidupan dan pekerjaan artis bukan hanya bergantung kepada televisyen semata-mata.

“Walaupun saya mungkin jarang muncul di televisyen, tapi alhamdulillah setiap minggu ada saja tawaran undangan nyanyian yang saya hadiri,” tambahnya yang baru melancarkan lagu *Arah Cinta* bulan lalu.

Sebenarnya, Siti Nordiana lebih kerap tampil di TikTok. Ia sebahagian usaha memastikan dirinya relevan dengan bidang seni masa kini yang cenderung dengan media sosial.

Terbukti memberi dampak positif, penyanyi itu menjadi antara

“

**Sejak tahun lepas saya sudah sedar ada masalah pada pita suara. Covid-19 memang beri kesan pada bahagian paru-paru. Kita jadi mudah penat dan pernafasan makin sempit. Ada kalanya kita rasa penat nak menyanyi dan suara jadi ketat. Jadi, dalam tiga bulan ini, ada ubat-ubatan yang perlu saya ambil dan pantau pita suara saya**

selebriti Malaysia dengan jumlah pengikut paling ramai. Ia melayakkannya tercalon kategori *Celebrity Creator of The Year* di Anugerah TikTok Malaysia 2023.

“Platform media sosial seperti TikTok seolah-olah membenarkan saya berkongsi sisi diri saya sebagai Siti Nordiana. Seorang wanita yang selalu bikin video bersama anak, Mohd Rayyan Nakhaie. “Saya berpendapat, sebenarnya ramai orang yang tertekan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, saya suka berkongsi aktiviti bersama anak, sekadar santai-santai. Tak sangka ada yang terhibur,” tambahnya.







**HARGAI...** Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman menyampaikan cenderamata kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam majlis makan malam amal Yayasan Unisel di Doubletree by Hilton I-City, Shah Alam pada 13 September. Hadir sama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Foto HAFIZ OTHMAN ▶ BERITA MUKA 20

## Tiga MOU dengan syarikat China

# Meterai pelaburan RM20 bilion

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyaksikan pertukaran tiga memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM19.84 bilion antara syarikat Malaysia dan China.

MoU pertama antara Citaglobal Bhd dan Shanghai Sus Environment, kedua-duanya meneroka potensi kerjasama pembangunan loji janakuasa sisa kepada tenaga terutama di Malaysia, lapor Bernama.

Menurut Pejabat Perdana Menteri, perjanjian kedua bernilai kira-kira RM2.34 bilion pula antara PM Access

World dan Beibu Gulf Port Group menerusi kerjasama pergudangan dan logistik.

Kerjasama tersebut bakal menyokong Koridor Perdagangan Darat-Laut Antarabangsa Baharu rantau ini untuk menggalakkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara Guangxi dan Malaysia.

MoU antara Sime Darby Oils International Ltd dan GuangXi Beibu Gulf International Port Group pula bagi membina pusat perdagangan dan pengedaran minyak sawit ditapis dan lelembak di

Qinzhou, China.

Nilai eksport hasil usaha sama berkenaan dianggarkan RM2.5 bilion dengan anggaran jumlah urus niaga tahunan 500,000 tan.

Anwar yang juga menteri kewangan menyaksikan majlis pada 17 September itu bersama beberapa menteri Kabinet sempena lawatan kerja sehari beliau ke Nanning, China.

Beliau mengadakan lawatan ke situ atas undangan Perdana Menteri China Li Qiang bagi menghadiri Ekspo China-Asean ke-20.

## Pelan ekonomi tarik minat pelabur

**SHAH ALAM** - Konsep Ekonomi Madani yang diperkenalkan Kerajaan Perpaduan meraih perhatian pelabur global seterusnya memacu pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan minat itu dizahir mereka dalam pertemuan tertutup bersama pelabur yang berpangkalan di Singapura pada 13 September, lapor Bernama.

Beliau turut menjelaskan beberapa parameter, dasar dan kerangka bagi menyokong konsep ekonomi itu dalam pertemuan tersebut.

"Lebih menarik apabila ramai kalangan mereka bertanya mengenai Ekonomi Madani," katanya kepada media pada akhir lawatan kerja sehari di Singapura.

Katanya, pelabur melihat Malaysia di persimpangan sama ada terperangkap dalam masa lampau atau bergerak maju selain menerima hakikat kerajaan baharu kini memulakan langkah baharu.

"Perkara yang menggembirakan adalah wujudnya peningkatan fenomena bukan hanya dari segi minat, malah juga potensi pelaburan ke Malaysia," katanya.

Pada Julai, Anwar melancarkan

kerangka Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat sebagai asas bagi memacu ekonomi selain mengumumkan beberapa perkara penting bagi menarik pelabur luar.

Pengumuman tersebut antaranya Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12.

Perdana menteri percaya pelabur luar menganggap pengumuman itu suatu peralihan dasar lama kepada pelarasan baharu yang perlu untuk melonjakkan negara sebagai kuasa ekonomi utama.

## Malaysia - Tsinghua kukuh kerjasama

**SHAH ALAM** - Universiti Tsinghua dari Beijing, China bersetuju memperkukuh kerjasama dengan Malaysia membabitkan pertukaran pelajar, ahli akademik dan pengkaji selain mengambil peluang mengadakan kajian secara bersama, kata perdana menteri.

Perkara itu antara dibincangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Presiden Universiti Wang Xiqin dalam pertemuan di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada 18 September.

"Universiti Tsinghua juga sedang merancang untuk mengadakan program bersempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China tahun hadapan.

"Harapan saya agar kerjasama ini dapat diperluaskan semestelahan Universiti Tsinghua dikenali sebagai antara yang terkenal dan mendapat pengiktirafan antarabangsa berkaitan kajian akademik dan bidang pendidikan," katanya di Facebook.

## Lancar e-katalog tulisan, ucapan PM

**SHAH ALAM** - Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melancarkan e-katalog 'Beranotasi Datuk Seri Anwar Ibrahim' yang merangkum 32 buku karya perdana menteri atau berkaitan pemimpin tersebut.

Ketua pengarahnya berkata bahan itu antara usaha bagi memastikan gagasan Malaysia Madani menjadi khazanah warisan intelek negara untuk rujukan generasi masa depan, lapor Bernama.

Salasiah Abdul Wahab menambah judul dalam e-penerbitan itu antaranya 'Keuntungan Dengan Tanggungjawab Sosial' terbitan Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa pada 1993.

"Naskhah ini merupakan teks ucapan yang disampaikan Anwar selaku menteri kewangan (ketika itu)," kata beliau sempena program Hari Malaysia 2023 peringkat agensi itu pada 15 September.

## Wanita dilantik akauntan negara

**SHAH ALAM** - Timbalan Ketua Akauntan Negara (Korporat) Nor Yati Ahmad dilantik sebagai akauntan negara baharu berkuat kuasa mulai 18 September.

Pelantikan itu diumumkan Jabatan Akauntan Negara dalam kenyataan hari ini bagi menggantikan Datuk Dr Yacob Mustafa yang tamat kontrak perkhidmatan pada 2 Ogos, lapor Bernama.

Surat pelantikan tersebut disampaikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Dr Zulkapli Mohamed di Jabatan Perkhidmatan Awam di sini pada hari sama.

Mula menyertai sektor awam pada 1995 sebagai akauntan di Jabatan Akauntan Negara cawangan Kuala Lumpur, Nor Yati memiliki sarjana Universiti Adelaide, Australia dan sarjana muda Universiti Putra Malaysia.



## Tambah peruntukan Jualan Rahmah

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Parlimen mengesyorkan dana untuk program Jualan Rahmah tahun depan dipertingkatkan.

Cadangan yang dibuat selepas mesyuarat jawatankuasa berkenaan pada 12 September bertujuan membantu lebih ramai penduduk meringankan beban kos sara hidup, lapor Bernama.

"Jawatankuasa ini juga menyambut baik inisiatif Kad Insentif Menu Rahmah kepada peniaga Menu Rahmah yang dapat membeli bahan mentah dengan harga lebih murah.

"Langkah ini dipercayai boleh menggalakkan lebih ramai peniaga terlibat dalam menyediakan Menu Rahmah," menurut kenyataan jawatankuasa tersebut.

## 7,306 usahawan kecil ada sijil halal

**SHAH ALAM** - Sebanyak 7,306 daripada 8,272 syarikat yang miliki sijil pengesahan halal adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kata menteri hal ehwal agama.

Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat pada 18 September berkata 3,270 syarikat atau 39.53 peratus daripada PKS adalah usahawan Bumiputera, lapor Bernama.

Hujung tahun lalu, bekas EXCO Industri Halal Zawawi Ahmad Mughni memaklumkan Selangor merekod lebih 5,000 pemegang sijil halal, kira-kira 70 peratus daripada peniaga bukan Islam.

Sejak beberapa tahun ini, Kerajaan Negeri giat mempromosi sektor industri halal, bahkan Selangor menerima Anugerah Kecemerlangan Prestasi Negeri Halal pada Julai.

## Elak murid jadi bahan media sosial

**SHAH ALAM** - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tegas dalam membendung perbuatan segelintir guru yang menjadikan anak murid mereka sebagai bahan kandungan media sosial.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek menjelaskan garis panduan berkaitan isu tersebut telah dikeluarkan KPM bagi memastikan perlindungan diberi kepada murid, lapor Bernama.

"Kita dalam keadaan kebanjiran idola, kemarau teladan, adalah besar harapan saya untuk melihat warga pendidik menjadi suri teladan dalam masyarakat.

"Rakyat itu refleksi kepada gurunya, guru yang berintegriti, guru beradab tinggi dan guru berakhlak," katanya dalam majlis Sambutan Hari Malaysia di Kuching pada 16 September.

Beliau berkata KPM pada akhir bulan ini akan mengeluarkan garis panduan menangani kes buli, jenayah seks dan perkauman bagi memastikan perbuatan sedemikian tidak berlaku di sekolah.

# Edar al-Quran banteras Islamofobia

**SHAH ALAM** - Malaysia memainkan peranan penting dalam usaha membanteras Islamofobia, kejahilan dan kebencian terhadap Islam, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perbuatan membakar al-Quran yang berlaku akibat kejahilan, sombong dan pemikiran neokolonial perlu dibanteras menerusi ilmu dan pemahaman,

lapor Bernama.

"Bagi orang Islam sudah tentu melalui al-Quran," katanya selepas solat Jumaat di Kompleks Nasyrul Quran di sini pada 15 September.

Anwar berkata al-Quran dan terjemahannya yang dihasilkan Yayasan Restu dicetak, diterjemah dan diedar ke seluruh dunia, khususnya di negara-negara Barat.

"..supaya mereka (orang Barat) berpeluang membaca, memahami untuk menghayati, seperti yang kita lakukan dalam menghormati agama lain di negara ini.

"Saya berharap melalui usaha ini, kita dapat mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni dan lebih memahami serta menghormati kemanusiaan," katanya.

## Bekalan hingga 900,000 tan metrik

# Stok beras cukup untuk lima bulan

**SHAH ALAM** - Stok beras mencukupi untuk menampung keperluan domestik untuk tempoh empat hingga lima bulan ini, kata menteri pertanian dan keterjaminan makanan.

Datuk Seri Mohamad Sabu berkata stok pada masa ini adalah 900,000 tan metrik meliputi 250,000 tan metrik stok penimbal kerajaan dan 650,000 tan metrik stok dagangan, lapor Bernama.

"Kementerian berpandangan masih belum terdapat keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stokpail (stok penimbal) yang berjumlah 250,000 tan metrik.

"Stok mencukupi bagi menampung

keperluan domestik," katanya ketika menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan Rakyat pada 18 September

Yakin kekurangan bekalan pulih dalam sebulan, beliau menjelaskan harga beras putih tempatan kekal RM2.60 per kilogram (kg) manakala kenaikan hanya membabitkan beras putih import (BPI).

Katanya, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) pada tahun ini berdepan cabaran kerana terpaksa menyerap kenaikan kos selain membekal 38 peratus beras lebih tinggi berbanding kebiasaan.

Beliau menambah kenaikan harga BPI sehingga 36 peratus mulai 1 September terpaksa dibuat bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung Bernas dalam menampung kos belian dan import.

Mohamad berkata pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terbaik isu sekatan eksport beras.

"Bernas turut dalam perundingan bersama negara sumber beras yang lain seperti Vietnam, Thailand dan Kemboja," katanya lagi.

# Sedia program atasi kenaikan harga

**SHAH ALAM** - Jualan Rahmah Beras akan diadakan dalam masa terdekat bagi menangani isu kenaikan harga beras import selain kekurangan beras tempatan pada ketika ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh menjelaskan mekanisme pelaksanaan akan diumumkan tidak lama lagi sebagai usaha meringankan beban rakyat.

"Kementerian cuba cari jalan dalam ruang lingkup bidang kuasa untuk menangani harga beras import dan tempatan dengan melancarkan Jualan Rahmah Beras. Kita akan umum mekanisme pelaksanaan.

"Ini untuk bantu rakyat yang betul-betul tidak mampu supaya dapat beli beras pada harga subsidi. Tidak banyak tetapi dapat membantu rakyat," katanya di Dewan Rakyat pada

18 September.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan harga beras tempatan tidak naik meskipun harga beras import dari India meningkat 40 peratus.

Jualan Rahmah yang diperkenalkan awal tahun ini menawarkan potongan harga barangan makanan dan keperluan asas hingga 30 peratus dan dilaksanakan di 1,193 lokasi setakat Ogos.

# Tiada jerebu walau ada titik panas

**SHAH ALAM** - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) tidak menjangka berlaku jerebu teruk di negara ini meski beberapa titik panas dikesan di Indonesia dan Malaysia pada ketika ini.

Ketua pengarahnya menjelaskan jangkaan itu berdasarkan data Pusat Meteorologi Khas Asean (ASMC) yang menunjukkan bilangan titik panas di Kalimantan dan Sumatera kian berkurangan.

Muhammad Helmi Abdullah berkata 67 titik panas dikesan di Kalimantan dan Sumatera (50) pada 11 September tetapi berkurangan kepada

dua di Kalimantan dan Sumatera (15) pada 17 September.

"Hanya satu titik panas di Semenanjung pada Isnin (11 September) tetapi situasi berubah semalam (17 September) apabila Sabah dan Sarawak merekod keseluruhan empat titik panas.

"Dengan berakhir monsun barat daya, berkurangnya titik panas di Kalimantan dan Sumatera, kita tidak jangkakan berlaku jerebu teruk dalam masa terdekat," katanya kepada Bernama pada 18 September.

Beliau juga menambah monsun

barat daya yang diganti peralihan monsun sehingga awal November dijangka membawa lebih banyak hujan di pantai barat Semenanjung, barat Sarawak dan Sabah.

Malaysia juga menerima hujan lebih banyak pada monsun timur laut yang dijangka bermula November hingga Mac tahun depan.

"Bagaimanapun, jerebu rentas sempadan boleh berlaku jika terdapat kebakaran hutan yang banyak dan meluas serta arah tiupan angin dari kawasan kebakaran tersebut," kata Helmi.





**CERIA...** Abdullah Haziq Murshid, 6, mencuba permainan hydro strike dalam Jelajah Hydro Family on Wheels sempena ulang tahun keempat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd di pusat beli-belah Aeon Bukit Raja, Klang pada 17 September. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶ BERITA MUKA 23

## Tampung 20,000 jenazah

# Buka tapak pusara di Putra Heights

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**SUBANG JAYA** - Tanah perkuburan Islam Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) Putra Heights di Kampung Kuala Sungai Baru di sini yang siap pada akhir Disember lalu telah dibuka sepenuhnya.

Datuk bandar Subang Jaya berkata tapak seluas 33.5 ekar meliputi 19,816 lot pusara yang dibangunkan hasil kerjasama Sime Darby Property Berhad dibuka sejak 15 September.

Mohd Fauzi Mohd Yatim menjelaskan pembangunan bernilai RM6.7 juta itu dijangka berupaya mengatasi isu

pertambahan penduduk dan tanah kubur di USJ 22 yang semakin sesak.

"Tanah perkuburan ini yang kedua bawah seliaan MBSJ. Pembinaannya mengambil kira penerimaan pengebumian jenazah di tanah kubur di USJ 22 semakin meningkat dan dijangka penuh pada 2028.

"Kami berbesar hati kerana Sime Darby melaksanakan projek ini sekali gus menampung keperluan pengebumian yang meningkat dalam tempoh 20 tahun lagi," katanya selepas majlis perasmian pada 15 September.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Berhad Dato' Ir Mohd Sohimin Mohd Alayedid.

Mohd Fauzi memaklumkan pelbagai kemudahan tersedia di tanah perkuburan berkenaan antaranya bangunan pentadbiran, ruang serba guna, bilik mandi jenazah, surau dan tandas.

"Kelengkapan lain termasuklah bengkel pertukangan dan stor, 20 unit wakaf istirehat, pondok pengawal dan parkir.

"Tanah kubur ini turut dilengkapi seunit mini jentera pengorek bagi memudahkan proses pengebumian," katanya.

Beliau menambah tanah perkuburan itu juga akan mengaplikasikan sistem e-Pusara bagi memudahkan waris mengenal pasti lokasi kubur ahli keluarga.

## Ubah masa bersih pusat komersial

**SHAH ALAM** - KDEB Waste Management (KDEBWM) meneliti cadangan menukar rutin pembersihan sisa pepejal di kawasan komersial seluruh negeri ini.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir mendapati kontraktor sukar untuk membersihkan sisa dari kawasan tersebut pada waktu pagi hingga ke tengah hari berikutan lambakan kenderaan.

Beliau berkata pembersihan pada tengah malam hingga awal pagi setakat ini dijalankan di SS14 dan SS15, Subang Jaya berikutan idea wakil rakyatnya Michelle

Ng Mei Sze pada minggu lalu.

"Pembersihan menggunakan penyedut pembersihan 'Gluton' dibuat pada tengah malam yang ketika itu kawasan komersial lapang dan tiada orang sekali gus memudahkan kerja.

"Kita baru cuba (di SS14 dan SS15). Jika beri dampak positif, kaedah sama dibuat di kawasan komersial lain kerana kita juga terima permintaan di tempat lain," katanya pada 13 September.

Bagaimanapun, Ramli menjelaskan perubahan jadual pembersihan itu perlu

mengambil kira beberapa faktor bagi memastikan sisa pepejal diurus dengan baik di kawasan berkenaan.

"Apabila pembersihan dibuat tengah malam, persekitaran waktu pagi di kawasan komersial lebih bersih. Kekangannya, ada sampah baru yang dihasilkan peniaga dan orang ramai pada petangnya.

"Jadi, kita akan tengok sama ada perlu buat pembersihan pusingan kedua atau tunggu hari berikutnya. Kita akan tengok satu persatu kaedah mana yang lebih berkesan," katanya lagi.

## Baharui lesen niaga mulai 1 Oktober

**SHAH ALAM** - Permohonan bagi membaharui lesen perniagaan di bawah Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) bagi sesi 2024 berlangsung mulai 1 Oktober hingga 31 Disember.

Peniaga boleh melakukannya di kaunter MPSepang atau dalam talian. Notis pembaharuan boleh dibuat menerusi ekl. mpsepang.gov.my atau www.mpsepang.gov.my mulai 1 Oktober.

"Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan ke atas kegagalan memperbaharui lesen perniagaan," menurut kenyataan di Facebook.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Jabatan Pelesenan menerusi talian 03-8319 0200 sambungan 256 / 255 / 262.

## Padah simpan jentera tanpa permit

**SHAH ALAM** - Seorang peniaga dikompaun kerana menyimpan dan membaiki jentera berat tanpa lesen di sebuah premis di Kampung Perepat, Klang.

Menurut Majlis Perbandaran Klang (MPK), kerja membaiki jentera sedang dijalankan ketika serbuan ke atas premis yang beroperasi tanpa lesen perniagaan sah.

Justeru, MPK mengeluarkan dua kompaun kepada pemilik premis tersebut berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) 3, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPK) 2007.

"Setiap kompaun bernilai RM1,000 dan jika pemiliknya gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh 14 hari daripada tarikh notis, tindakan mahkamah akan dikenakan," kata kenyataan itu lagi.

## Kerjasama sedia krematorium

**SUBANG JAYA** - Syarikat pemaju perbandaran disaran bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membina pusat pembakaran mayat.

Datuk bandar Subang Jaya menjelaskan usaha sama tersebut dituntut berikutan kos membina krematorium yang moden mencecah jutaan ringgit.

"PBT perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu tempat pengebumian mayat penganut agama lain yang canggih dan moden, sama ada melalui peruntukan PBT atau mana-mana pemaju.

"Ia menelan perbelanjaan tinggi sehingga RM3 juta. Jadi, saya minta pemaju perbandaran beri kerjasama baik untuk menayakan hasrat ini," kata Mohd Fauzi Mohd Yatim pada 15 September.

Beliau berkata MBSJ memiliki sebuah krematorium di Puchong dan merancang untuk membina satu lagi tapak pembakaran moden bagi memenuhi keperluan penduduk.

Katanya setakat ini krematorium tercanggih ada di Sepang.



## RM1.2 juta bantu pusat pendidikan

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) mengagih sumbangan fisabilillah berjumlah RM1.2 juta kepada 31 institusi seluruh negeri ini setakat Ogos.

Timbalan ketua pegawai eksekutifnya berkata dana daripada masjid, surau, sekolah, hospital dan surau di bangunan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk pembangunan dan naik taraf.

"Sumbangan tersebut sebahagian inisiatif PWS dalam mengoptimum penyaluran wakaf dengan menyantuni institusi keagamaan, pendidikan dan kesihatan.

"Ia juga untuk membeli aset kekal atau yang memberi manfaat dengan tempoh penggunaan sekurang-kurangnya lima tahun," kata Anuar Hamzah Tohar dalam kenyataan pada 14 September.

Terdahulu, beliau menyerahkan cek sumbangan RM50,000 kepada guru besar Sekolah Kebangsaan Bandar Banting Rokiah Md Nor untuk menaik taraf dewan.

Beliau berkata PWS mahu menyediakan pelbagai platform untuk orang ramai berwakaf sama ada dalam bentuk harta alih atau harta tidak alih.

Wakaf tunai boleh dibuat melalui PWS dengan melayari [lfx.wakafselangor.gov.my/ewo\\_login.asp](https://lfx.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp) atau menerusi DuitNow QR.

## RM25 juta untuk pemulihan asnaf

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyediakan RM25 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab tahun ini bagi membimbing mana-mana kelompok yang memerlukan bantuan pemulihan.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata dana itu untuk perlindungan, rawatan dan pencegahan serta pelbagai bentuk bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan.

Beliau menjelaskan asnaf riqab merujuk seseorang yang terbelenggu masalah sosial dan akidah seperti penagihan dadah, sumbang mahram, persetu-

buhan haram dan terpesong agama.

"Sehingga Ogos, Mais menyantuni 2,205 asnaf riqab melalui bimbingan 143 guru untuk membawa mereka kembali ke jalan benar dan diredai," katanya dalam kenyataan pada 10 September.

Abdul Aziz menambah Mais juga menganjurkan Kempen Bulan Pembebasan Riqab selama sebulan mulai 1 September bagi memberi peluang kepada umat Islam mendekati golongan berkenaan.

Beliau berkata pelbagai kegiatan dirangka antaranya forum, ceramah kesedaran kesihatan, program bimbingan dan acara lain yang dianjurkan se-

cara fizikal serta dalam talian.

"Sebagai pihak berkuasa dalam pengurusan hal ehwal Islam, Mais bertanggungjawab melaksanakan program kesedaran melibatkan masalah sosial, akidah dan kesihatan mental," katanya.

Pada 10 April, Mais menyumbang RM11.3 juta kepada 26 rumah pemulihan riqab (RPR) menerusi geran bantuan pemulihan riqab untuk kebajikan asnaf riqab bagi menampung kos program, pengurusan dan penjagaan untuk tahun ini.

Umat Islam yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung kempen tersebut boleh merujuk media sosial Mais dan laman sesawang [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



## Unisel tawar yuran murah

# 60 peratus pelajar keluarga B40

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Lebih 60 peratus pelajar Universiti Selangor (Unisel) datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) berikutan yuran yang ditawarkan murah.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman menjelaskan faktor itu memberi peluang pendidikan lebih luas kepada pelajar yang menyambung pengajian di insitituti berkenaan.

"Sebagai universiti yang menekankan kecemerlangan dan bukan meraih keuntungan, Unisel tawarkan yuran pengajian, yuran asrama dan yuran-yuran lain yang secara relatif agak rendah.

"Ini bagi membolehkan peluang pendidikan

yang lebih luas diberikan kepada segenap lapisan masyarakat," ucapnya dalam majlis makan malam Yayasan Unisel (Yusel) pada 13 September.



Beliau yang juga presiden Unisel menjelaskan tabung Yusel ditubuh bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan kewangan.

"Terdapat juga keperluan tabung ini bagi membantu dalam pelbagai inisiatif yang boleh membawa kepada kecemerlangan Unisel," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hadir ke majlis itu yang dihadiri kira-kira 200 individu termasuk penyumbang dan kakitangan Unisel.

Turut sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad.

## Sasar kedudukan 100 teratas

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (Unisel) menyoar kedudukan 100 teratas dalam tempoh tiga tahun untuk penarafan kampus lestari atau UI-GreenMetric pada peringkat global.

Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman menjelaskan universiti milik Kerajaan Negeri itu berada pada kedudukan ke-337 tahun lalu berbanding 424 pada 2021.

"Kampus Unisel Bestari Jaya yang sebelum ini umpama padang pasir yang tidak terurus, kini boleh dibanggakan sebagai sebuah Kampus Dalam Taman.

"Dalam tempoh tiga tahun, Unisel berhasrat untuk menjadi 100 kampus terbaik pada peringkat global sebagai kampus hijau," katanya pada 13 September.

Penarafan kampus lestari meliputi skop infrastruktur, tenaga dan perubahan cuaca, sisa buangan, air, pengangkutan dan pendidikan.

Dr Mohammad Redzuan berkata Unisel memamer peningkatan saban tahun dan pencapaian terbaharu pada tangga ke-15 daripada 306 insitituti pengajian tinggi swasta (IPTs) dalam negara.

Beliau menjelaskan kedudukan itu hasil kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 95.7 peratus atau 1,779 orang tahun lalu, lebih tinggi berbanding purata kebangsaan.

"Walaupun berada di tangga ke-15, namun jika dibandingkan dengan IPTs yang berada di tangga ke-14, jumlah graduan yang dihasilkan mereka hanyalah 24 orang," katanya.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF 32 UNITS OF NEW PUMPS FOR CRITICAL PUMP HOUSES IN SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA
2.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF 4G AND NB-IoT DATA LOGGERS WITH ACCESSORIES
3.	PN0000015961	UPGRADING OF RESIDUAL TREATMENT FACILITIES AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SG. TENGI WTP
4.	PN0000015918	REFURBISHMENT AND REHABILITATION WORKS AT SG. LANGAT DAM, SG. SEMENYIH DAM AND SG. LABU OFF RIVER STORAGE (ORS)
5.	TBA	PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR CLEAR WATER TANK AT SG SEMENYIH WATER TREATMENT PLANT
6.	TBA	MECHANICAL AND ELECTRICAL PREVENTIVE MAINTENANCE (PM) WORKS FOR AIR SELANGOR'S PUMPHOUSES FOR A PERIOD OF 3 YEARS - PACKAGE 1 (KUALA LUMPUR, HULU LANGAT & HULU SELANGOR REGION)
7.	TBA	MECHANICAL AND ELECTRICAL PREVENTIVE MAINTENANCE (PM) WORKS FOR AIR SELANGOR'S PUMPHOUSES FOR A PERIOD OF 3 YEARS - PACKAGE 2 (PETALING, GOMBAK & KLANG REGION)
8.	TBA	PROVISION OF RENTAL HEAVY MACHINERIES AND EARTHWORK MAINTENANCE AT RESIDUAL DEPOSITORY AREA (RDA) MONSOON DRAIN AND INLET INTAKE AREAS AT SUNGAI SELANGOR PHASE 2 (SSP2) WATER TREATMENT PLANT

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.





Pemain MBSA (kiri) menghalang percubaan lawan dalam perlawanan akhir Kejohanan Liga Bola Tampar jemputan PKNS di Dewan Bola Tampar MBSA, Shah Alam pada 17 September. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Bawa pulang RM10,000

# MBSA juara sulung liga bola tampar

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjuarai kejohanan Liga Bola Tampar Jemputan PKNS menewaskan PKNS Eagle dalam perlawanan akhir pada 17 September.

MBSA yang dibarisi beberapa pemain kebangsaan termasuk Sukan Malaysia (SUKMA) menang dengan keputusan 3-0 dalam aksi lebih sejam di Dewan Bola Tampar MBSA Seksyen 4 di sini.

Aksi seimbang pada set pertama, skuad kendalian Shamsaimon Mohd Sharit meraih kelebihan sebelum men-

catat kemenangan 25-16.

Bersambung babak kedua, MBSA dilihat menguasai permainan namun lawan tampil agresif untuk mengikat mata 24-24 sebelum kembali memimpin perlawanan dan menang 27-25.

MBSA kemudian memperkemas corak permainan dan menutup pertarungan set ketiga dengan keputusan 25-22, sekali gus mengesahkan kemenangan dalam kejohanan julung kali itu.

Shamsaimon bangga dengan corak permainan anak buahnya biarpun berdepan lawan yang kebanyakannya terdiri daripada pemain senior.

"Saya tidak menyangka pasukan

menang 3-0 memandangkan kita tahu PKNS mempunyai pemain bagus, malah mereka sendiri ada pemain terbaik Malaysia.

"Tetapi taktikal yang dirancang daripada segi pertahanan dan serangan balas untuk matikan bola membuahkan hasil. Tahnik kepada pasukan kerana bermain dengan cemerlang serta mengikut arahan,"katanya.

Kemenangan itu melayakkan MBSA membawa pulang wang tunai RM10,000 berserta trofi dan pingat, manakala PKNS Eagle meraih RM6,000, trofi dan pingat yang disampaikan EXCO Sukan Najwan Halimi.

## Tambah baik program belia negeri

**SHAH ALAM** - Program Penggerak Belia Selangor (PeBS) yang diwujudkan sejak 2009 akan diteruskan dengan pelbagai penambahbaikan yang meliputi semua aspek mengikut kesesuaian masa.

EXCO Belia Najwan Halimi menjelaskan langkah tersebut penting supaya program berkenaan seiring visi dan dasar baharu Kementerian Belia dan Sukan.

"Belia pada masa kini berdepan pelbagai cabaran dan menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakan program demi memperkasa golongan tersebut,"katanya pada 13 September.

Beliau juga menambah agenda permulaan PeBS antaranya mengembalikannya program Rakan Muda yang dilancarkan semula Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 25 Jun.

"Kita sahut inisiatif ini kerana buat

masa ini sambutan diterima kurang memberangsangkan. Kita akan bantu jayakan dengan menarik seramai mungkin anak muda sertai program Rakan Muda,"katanya.

Dijenama semula pada 2021 daripada Penggerak Belia Tempatan (PeBT), PeBS bertujuan menggerakkan pemimpin belia sebagai ejen penggerak pembangunan generasi muda di setiap Dewan Undangan Negeri.

## Elavarasan kembali bersama Pan Gon

**SHAH ALAM** - Ketua Jurulatih skuad Bawah-23 (B-23) E Elavarasan melepaskan jawatannya membimbing pasukan berkenaan bagi memberi tumpuan semula kepada tugas sebagai penolong ketua jurulatih kebangsaan.

Setiausaha agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berkata perkara itu diputuskan dalam pertemuan Elavarasan bersama Presiden Datuk Hamidin Mohd Amin bagi membincangkan hala tuju pasukan B-23 kebangsaan.

"Hamidin turut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sumbangan Elavarasan kerana tetap berjaya membawa pasukan layak ke Piala Asia B-23 2024, biarpun tewas 1-0 kepada Thailand pada aksi terakhir kelayakan pada 12 September lalu," kata Datuk Noor Azman Rahman pada 18 September.

## Selangor FC kekal trofi Piala Belia

**SHAH ALAM** - Selangor FC B18 mengekalkan kejuaraan Piala Belia selepas menewaskan Johor Darul Ta'zim IV dengan agregat 4-3 dalam perlawanan akhir kedua pada 17 September.

Membawa kelebihan satu gol, skuad kendalian Khushairi Wahab berjaya bangkit dua kali untuk menang 3-2 di Stadium UiTM, Shah Alam.

Tandukan Amirul Izwan pada minit ke-88 memastikan Gergasi Merah mengekalkan trofi itu dua musim berturut-turut.

Kejuaraan keempat itu meneruskan kejayaan pada 2013, 2015 dan 2022.

## Tiket mulai RM49.90 tonton MotoGP

**SHAH ALAM** - Peminat sukan permotoran tanah air boleh menikmati harga istimewa menerusi tiket Rahmah serendah RM49.90 yang diperkenalkan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) bagi menyaksikan Kejuaraan Motosikal Dunia (MotoGP) di Grand Prix Malaysia 2023 pada 10 hingga 12 November.

Ketua Pegawai Eksekutif SIC Azhan Shafriman Hanif berkata 7,000 tiket di K2 Hillstand dijual dalam talian dan kaunter jualan sejak 13 September.

"Selain harga tiket istimewa, parkir percuma dan menu Rahmah untuk F&B (makanan dan minuman) turut diperkenalkan. Ini pertama kali kami perkenalkan inisiatif seumpama ini.

"Jadi kami menjangkakan 170,000 penonton berbanding 164,000 penonton hadir pada tahun lalu dan sekarang kita berada di landasan betul untuk 'sold out' kerana sudah hampir 70 peratus tiket dijual bermula tahun lalu,"katanya seperti dilapor Bernama.

Beliau mengesahkan tiada pelumba tempatan beraksi atas tiket wildcard.





**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Pelabuhan Klang

merayakan Merdeka Fun  
Run bersama murid  
tabika di Klang



**DATUK JOHAN ABD AZIZ**  
Dusun Tua

menziarahi penduduk  
terlantar akibat lumpuh  
di kawasan beliau



**ABBAS SALIMMI ADZMI**  
Seri Serdang

menghadiri program menghias  
kek anjuran majlis perwakilan  
penduduk di DUN beliau



**WONG SIEW KI**  
Seri Kembangan

bersama penduduk dalam  
Karnival Hari Malaysia  
di Taman Sungai Besi Indah



**MUHAMMAD IZUAN KASIM**  
Kota Damansara

beramah mesra bersama  
jawatankuasa Surau Al-Ikhlas Desa  
Subang Perantau, Subang Jaya



**DAVID CHEONG**  
Kajang

memeriahkan majlis penutupan  
Bulan Kebangsaan peringkat  
sekolah di Hulu Langat



**DANIAL AL RASHID**  
Batu Tiga

menyertai majlis penutupan  
Bulan Kemerdekaan di  
Seksyen 19, Shah Alam



**PREAKAS SAMPUNATHAN**  
Kota Kemuning

meninjau sukaneka  
Hari Malaysia di Masjid  
Al-Bakri, Klang



# Pulihara khazanah warisan negeri

**KUALA LANGAT** - Selangor mahu memelihara dan memulihara khazanah warisan negeri sekali gus memacu sektor pelancongan untuk dinikmati generasi masa depan, kata EXCO kebudayaan.

Borhan Aman Shah berkata beberapa bangunan bersejarah termasuk Istana Bandar, Pusat Kusta Negara, kapal korek bijih timah di Dengkil akan diwarta bagi memastikan agenda tersebut.

Beliau juga berterima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya kerana meluluskan permohonan untuk memulihara istana



lama tersebut.

"Proses baik pulih (termasuk kajian kerosakan dan kerja penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan) mengambil masa tiga atau empat tahun sebelum ia boleh dilayati.

"Warisan seumpama itu antara produk pelancongan penting di negeri ini," katanya dalam majlis penutupan Karnival Jejak Warisan Merdeka di Istana Bandar pada 16 September.

Borhan juga menjelaskan Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (Padat) akan mengenal pasti beberapa lokasi pelancongan atau warisan lain untuk dimajukan.

"Sebelum promosi dibuat, kita akan memastikan prasarana satu-satu kawasan terpelihara. Kita perlu memastikan kemudahan parkir, tandas berada dalam keadaan baik," katanya.

Beliau turut melancarkan buku 'Pemetaan Warisan Bandar-Bandar Diraja Di Malaysia' terbitan Jabatan Warisan Negeri dan Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.

Buku itu berkisar teoritikal, tipologi, komponen, elemen, karakter dan nilai warisan serta mitos sembilan bandar diraja iaitu Bandar Diraja Klang di Selangor, Bandar Diraja Arau (Perlis), Bandar DiRaja Kuala Kangsar (Perak), Bandar Diraja Seri Menanti (Negeri Sembilan).

## Pewartaan makanan warisan

# Tarik anak muda minat makan sate

Oleh **SOFIA NASIR**


**SEPANG** - Pewartaan sate Kajang sebagai makanan warisan negeri dijangka mengembalikan kegemilangan makanan tradisi popular tersebut kepada golongan belia.

Eksekutif pemasaran Kumpulan Sate Kajang Haji Samuri menjelaskan sate kurang mendapat tempat di hati anak muda kebelakangan ini berikutan saingan hebat pelbagai jenis makanan segera.

"Orang muda kian tidak menggemari sate kerana mereka lebih tertarik makanan segera dan makanan tular di kafe dan sebagainya.

"Dengan pengiktirafan ini, saya ber-

harap jualan sate meningkat dan lebih ramai orang tahu keistimewaan sate Kajang," kata Muhammad Rafizan Yusoff.



Terdahulu, Selangor menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) atas kejayaan mengedar 100,000 sate percuma dalam Fiesta Sate Selangor 2023 di sini

pada 16 September.

Kerajaan Negeri juga mengumumkan sate Kajang bakal diwarta sebagai makanan warisan pada tahun depan. Pada November lalu, hidangan nasi ambeng menerima pewartaan sedemikian.

Sementara itu, juruteknik, Khalid Maarif, 37, yang meminati sate terna-

nti-nanti program tersebut sejak dua minggu lalu mengambil kesempatan cuti umum Hari Malaysia untuk ke situ.

"Saya bawa 11 ahli keluarga ke pantai Bagan Lalang untuk menikmati sate percuma. Saya tidak mahu lepaskan peluang untuk bersantai dan menikmati sate bersama seisi keluarga," katanya.



Suri rumah Norasfarhana Adnan, 43, pula berharap fiesta sate dapat dianjurkan sebagai acara tahunan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Selangor.

"Program ini menarik. Selain makan percuma, ia juga beri sumber rezeki kepada peniaga lain di pantai ini. Saya harap ia diadakan setiap tahun," katanya.

# Bantu gelandangan cari kerja

**SHAH ALAM** - Wakil rakyat Lembah Jaya menghulur bantuan termasuk mencari tempat tinggal sesuai untuk seorang gelandangan bawah jambatan menghala ke Taman Kosas, Ampang Jaya baru-baru ini.

Syed Ahmad Abdul Rahman Alhadad atau Altimet menjelaskan pihaknya juga giat membantu lelaki berusia lingkungan 50-an itu mencari pekerjaan bagi meneruskan kelangsungan hidup.



"Difahamkan lelaki tersebut menjadikan lokasi itu tempat berteduh sejak setahun lalu. Saya prihatin dengan nasibnya, insya-Allah kita akan cuba bantu apa yang boleh.

"Kita mahu tengok dahulu sama ada dia memerlukan pekerjaan atau tidak selain bantu beri rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Bagaimanapun bergantung persetujuan lelaki itu," katanya.

Pada 8 September, Altimet yang diwakili pegawai pusat khidmat mas-

yarakat dan ahli majlis zon 10 Majlis Perbandaran Ampang Jaya meninjau kedaifan lelaki itu hasil laporan orang awam.

Beliau juga memaklumkan bantuan segera berbentuk wang tunai RM300 dan barangan keperluan asas diserahkan bagi meringankan beban individu berkenaan.

"Bantuan ini hanya jangka pendek tetapi yang penting bagaimana bantu pada hari mendatang. Kita akan buat susulan isu ini dalam tempoh tiga minggu lagi," katanya.

## Program budaya ke Brunei

**SEPANG** - Kerajaan Negeri berhasrat memperkenalkan program kebudayaan dan kesenian Selangor ke Brunei menerusi program Silang Budaya pada tahun depan.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah menjelaskan program tersebut bakal mengetengahkan warisan seni Orang Asli dari suku Mah Meri ke peringkat antarabangsa.

"Apabila kita sebut Orang Asli, mungkin tidak ada di sana. Selepas ini kita akan berbin-cang dengan Tourism Selangor untuk bawa Mah Meri ke Brunei, ini perancangan kita.

"Kita akan bawa warisan dan kebudayaan Selangor ke Brunei tahun hadapan. Mudah-mudahan menjadi kenyataan," katanya pada 16 September.

## Pelihara, pulih kawasan pelancongan

**SHAH ALAM** - Potensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Dusun Tua sebagai lokasi pelancongan Selangor akan terus dilonjak menerusi pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tarikan pelancong.

Wakil rakyatnya berkata bahagian utara kawasan DUN berkenaan memiliki tarikan semula jadi antaranya Gunung Nuang, Sungai Gabai, Sungai Manggis, Sungai Congkak dan Sungai Pangsun.

Menurut Datuk Johan Abdul Aziz, beliau telah bertemu Menteri Pelancongan Datuk Seri Tiong King Sing dan menyatakan keperluan untuk naik taraf prasarana di kawasan berkenaan.

"Ada tiga kolam air panas yang perlu dinaik taraf supaya memberi keselesaan kepada pengunjung di samping terus memelihara tarikan semula jadi sedia ada," katanya baru-baru ini.

Beliau menambah kawasannya turut dipenuhi dusun hingga sering menjadi tumpuan pelancong setiap kali musim buah-buahan.

## Program menarik di Hydro Family

**SHAH ALAM** - Program Hydro Family on Wheels anjuran Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) diteruskan ke dua lokasi di Gombak dan Petaling Jaya hujung minggu ini.

Jelajah berkonsep santai dan kekeluargaan itu berlangsung di pusat beli-belah Aeon Au2, Ampang Jaya pada 23 September dan Dataran MBPJ, Petaling Jaya pada 24 September.

Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan dan pengunjung berpeluang memenangi hadiah dan kopi percuma.

Program sama turut berlangsung di pusat beli-belah IOI Puchong (28 Sept), Kip Mart Kota Warisan, Sepang (29 Sept) dan Aeon Shah Alam pada 31 September hingga 1 Oktober.

Pengunjung juga berpeluang mengetahui peranan dan tanggungjawab Air Selangor.





## Warta sate Kajang tahun hadapan

**SEPANG** - Sate Kajang bakal diwarta sebagai makanan tradisi warisan Selangor menjelang awal tahun hadapan, kata EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah.

Beliau menjelaskan usul pewartaannya dibawa Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat.

"Cadangan bagi mengangkat sate Kajang bermula sejak penganjuran Konvensyen Identiti Negeri Selangor anjuran Padat pada 2011.

"Selepas diluluskan, kita akan anjur majlis besar-besaran bersama perdana menteri dan Dato' Menteri Besar. Mungkin diadakan di Kajang," katanya pada 16 September.

## Edaran 100,000 cucuk catat rekod

**SEPANG** - Selangor menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) atas kejayaan mengedar 100,000 sate percuma dalam Fiesta Sate Selangor 2023 pada 16 September.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail berkata lebih 10,000 orang mengunjungi program anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) dan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor.

"Tanpa mengira latar belakang, semua orang menikmati sate yang boleh dihidang sama ada sebagai juadah santai bersama keluarga dan kawan-kawan atau di dalam majlis istimewa.

"Melangkaui soal makanan semata-mata, saya yakin program seumpama ini menjadi wadah perpaduan kaum melalui penglibatan pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Rizam menerima sijil pengiktirafan MBOR atas kejayaan menganjurkan acara di Pantai Bagan Lalang di sini.

Pada tahun lalu, nasi ambeng diwarta makanan warisan bagi memberi ketetapan untuk ciri-ciri makanan berkenaan yang asli dan berasal dari Selangor.



**GEMBIRA...** Selangor FC B18 kekal juara Piala Belia menewaskan Johor Darul Ta'zim IV dalam perlawanan akhir kedua di Stadium UiTM, Shah Alam pada 17 September. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia ▶ BERITA MUKA 21

## Penganjuran edisi kelapan

# 4,000 sertai karnival sukan ekstrem

Oleh **SOFIA NASIR**

**GOMBAK** - Lebih 4,000 peserta menyertai pelbagai aktiviti sukan lasak di Karnival Ekstrem Gua Damai di sini pada 16 dan 17 September.

Setiausaha politik Dato' Menteri Besar berkata karnival di Taman Ekstrem Gua Damai, Batu Caves di sini hanya mengenakan bayaran RM5 kepada

peserta bagi tujuh aktiviti lasak.

Rahim Kasdi turut memuji Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Tourism Selangor dan Tourism Malaysia atas kejayaan menganjurkan program edisi kelapan berkenaan.

"Sememangnya program ini merupakan usaha terpuji untuk memperkasa komuniti di samping memberi peluang kepada orang ramai mencuba pelbagai sukan ekstrem.

"Taman Ekstrem Gua Damai ini juga bukti komitmen MPS di mana tempat ini menjadi lokasi bagi peminat sukan lasak melakukan aktiviti, termasuk di peringkat antarabangsa," katanya.

Antara aktiviti lasak yang dianjurkan adalah luncur keluang (flying fox), panjat batu kapur, turun cenuram (abseiling), panjat pokok, tembak bebola cat (paintball), terjun tapak (base jump) dan memanah.

## pancawarna

### Elak peralat agama, jaga perpaduan rakyat

Sultan Selangor titah pemimpin politik henti cetus perbalahan, perpecahan

9



### Kejayaan perjuangan reformasi

Bawa perubahan undang-undang, demokrasi dalam negara

11&15



### Bahana Covid-19 jejas peti suara

Siti Nordiana sukar nyanyi kesan jangka panjang wabak

16

